



BULETIN ASASI UNIVERSITI AWAM

EDISI **07**

JAN - JUN
2024



PIITRAM 2024 | SAM 2024
FESTIVAL PANTUN ANTARA
ASASI (FANTASI) 2024

MALAYSIA NUCLEAR SCIENCE
OLYMPIAD (MYNSO2024)



PENASIHAT:

PROF. MADYA DR. LAILI HJ. CHE' ROSE
PENGERUSI, MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI UNIVERSITI AWAM

HASANUL BASRI BIN ABDULLAH
DEKAN, PUSAT ASASI, UIAM

TIMBALAN PENASIHAT:

NAZIRA BINTI ZUBIR

TIMBALAN DEKAN, PEJABAT TIMBALAN DEKAN PEMBANGUNAN PELAJAR DAN PENGLIBATAN MASYARAKAT,
PUSAT ASASI, UIAM

MOHD. DANIAL BIN JAMALUDIN
PENGARAH PENTADBIRAN, PUSAT ASASI, UIAM

DR. TAIFUNISYAM BIN TAIB

TIMBALAN DEKAN, PEJABAT TIMBALAN DEKAN AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN, PUSAT ASASI,
UIAM

PENYUNTING

KANDUNGAN:

AHMAD MUAZ BIN ZAKARIA
PEGAWAI TADBIR, PEJABAT STRATEGI DAN TADBIR URUS, PUSAT ASASI, UIAM

REKA GRAFIK:

MOHD SUFIE BIN ABDUL RAZAK
PEGAWAI TADBIR, PEJABAT HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR, PUSAT ASASI UIAM

BAHASA:

NAEEMAH MUNIRAH BINTI ABDULLAH
PEGAWAI TADBIR, PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT, PUSAT ASASI, UIAM
NURUL HALIMAH BINTI ROSLI
PEMBANTU TADBIR, PEJABAT STRATEGI DAN TADBIR URUS, PUSAT ASASI, UIAM

PENULIS:

SEMUA PENULIS YANG TERLIBAT DARI PUSAT ASASI UNIVERSITI AWAM DAN MATRIKULASI

JURU GAMBAR:

SEMUA JURU GAMBAR YANG TERLIBAT DARI PUSAT ASASI UNIVERSITI AWAM DAN MATRIKULASI



HAK CIPTA TERPELIHARA @ UIAM, 2024

SETIAP BAHAGIAN DARIPADA TERBITAN INI TIDAK BOLEH DITERBITKAN SEMULA, DISIMPAN UNTUK PENGELUARAN ATAU DIPINDAHKAN KEPADA BENTUK LAIN, SAMA ADA DENGAN CARA ELEKTRONIK, MEKANIKAL, GAMBAR, RAKAMAN DAN SEBAGAINYA TANPA MENDAPAT IZIN DARIPADA PUSAT ASASI, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM) GAMBANG.

JUDUL: BULETIN ASASI UNIVERSITI AWAM
NO. EISSN: E-ISSN 3009-1055

PENGGILIRAN TERBITAN
(EDISI JANUARI – JUN 2024)

DISEDIAKAN OLEH;

PUSAT ASASI
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)
26300 GAMBANG, PAHANG.

NO. TEL :09-5183400
EMEL: CFSOFFICIAL@IIUM.EDU.MY
LAMAM WEB: [HTTPS://CENTRE.IIUM.EDU.MY/CFS/](https://centre.iium.edu.my/cfs/)



ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH

PROF. MADYA DR. LAILI HJ. CHE' ROSE

SEULAS PINANG

HASANUL BASRI BIN ABDULLAH

CARTA ORGANISASI MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI UNIVERSITI AWAM

PUSAT ASASI, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM) GAMBANG

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

PUSAT ASASI, UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA (UITM)

PUSAT PERMATA@PINTAR NEGARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

PUSAT ASASI SAINS, UNIVERSITI MALAYA (UM)

PUSAT PENGAJIAN ASASI, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

PUSAT PENGAJIAN PRA-UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

PUSAT ASASI SAINS DAN PERUBATAN, UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA)

PUSAT TAHMIDI USIM, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

PUSAT ASASI PENGURUSAN, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

PUSAT PERSEDIAAN SAINS DAN TEKNOLOGI, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

PUSAT ASASI SAINS, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (ASPUTRA)

POLITEKNIK UNGKU OMAR

BAHAGIAN MATRIKULASI (KPM), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PUSAT ASASI PERTAHANAN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

HAK CIPTA BULETIN ASASI UNIVERSITI AWAM
EDISI JANUARI – JUN 2024

SEKAPUR SIRIH

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang
Semoga keselamatan, keberkatan, dan rahmat Allah tercurah kepadamu
Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNYA Buletin Asasi Universiti Awam Edisi-7 berjaya diterbitkan. Penerbitan buletin ini adalah sangat penting sebagai salah satu platform perkongsian maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan oleh pusat-pusat asasi sepanjang Januari 2024 sehingga Jun 2024.

Untuk Edisi kali ini, jutaan terima kasih diucapkan kepada Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gambang selaku editor dan adalah diharapkan agar buletin ini dapat menjadi satu wadah untuk perkongsian berita, penganjuran aktiviti-aktiviti dan juga pencapaian terbaik setiap institusi. Selain daripada itu, saya turut berharap agar buletin ini dapat dikongsikan serta disebarluaskan kepada masyarakat di luar kampus sana agar mereka turut celik dan cakna dengan kepelbagaian berita dan aktiviti yang telah terlaksana sekaligus mempromosikan universiti awam kita.

Akhir kata, saya mewakili Majlis Dekan/Pengarah Asasi Malaysia sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan komen daripada ahli-ahli agar semua pusat asasi universiti awam dapat memberikan perkhidmatan terbaik dalam melahirkan para pelajar cemerlang yang bitara dalam bidang masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PROF. MADYA DR. LAILI HAJI CHE' ROSE
PENGERUSI MAJLIS DEKAN & PENGARAH PUSAT ASASI UNIVERSITI AWAM



SEULAS PINANG

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang
Semoga keselamatan, keberkatan, dan rahmat Allah tercurah kepadamu
Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, Buletin Asasi Universiti Malaysia edisi-7 ini telah berjaya diterbitkan. Terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gambang sebagai sidang editorial kali ini.

Edisi kali ini memaparkan sebanyak 77 artikel daripada 14 buah institusi yang terlibat. Artikel-artikel yang dihantar merupakan laporan program, aktiviti dan kejayaan yang dicapai oleh institusi dari Januari sehingga Jun 2024. Ianya mencerminkan kesungguhan semua pihak dalam menganjurkan pelbagai jenis program bagi merealisasikan misi dan visi institusi masing-masing.

Selain dapat melakar kenangan, buletin ini juga dapat menjadi rujukan di masa hadapan.

Saya mewakili Pusat Asasi UIAM ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan buletin ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang editorial serta para penulis yang telah menyumbang kepada buletin kali ini. Semoga jasa baik tuan/ puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Sekian, terima kasih.



TUAN HAJI HASANUL BASRI BIN ABDULLAH
DEKAN PUSAT ASASI, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA



MAJLIS DEKAN/PENGAH ASASI
UNIVERSITI AWAM

CARTA ORGANISASI

PENGERUSI

Prof. Madya Dr. Laili Che Rose
Universiti Malaysia Terengganu
(UMT)

TIMBALAN PENERUSI

Prof. Ts. Dr. Norhana Abdul Halim
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(UPNM)



IBADAH KORBAN DI PUSAT ASASI UIAM MOHD RAFAEI BIN MOHD BASRI

Program Ibadah Korban, yang diadakan pada 20 Jun 2024, adalah bukti komitmen Jabatan Pembangunan Rohani, Jawatankuasa Zero Hunger, dan Masjid Pusat Asasi UIAM dalam memupuk semangat komuniti dan keimanan dalam kalangan warga Pusat Asasi UIAM. Acara ini berlangsung di Masjid Pusat Asasi UIAM, Gambang, dari jam 8:30 pagi hingga 3:00 petang, yang mana peserta dan sukarelawan berkumpul dalam aktiviti yang bermakna dan memperkayakan rohani. Program ini dimulakan dengan taklimat yang memberi penekanan kepada kepentingan ibadah korban dari segi rohani. Penyembelihan tiga ekor lembu, yang diuruskan dengan cermat oleh 21 peserta yang berdedikasi, dilakukan dengan penuh perhatian, mencerminkan kepentingan amalan ibadah ini dalam Islam. Selepas penyembelihan, para peserta terlibat dalam proses melapah dan mempersiapkan daging untuk diedarkan.

Semangat kerjasama dan kerja berpasukan semakin terserlah semasa sesi rewang dan memasak, di mana para peserta dan sukarelawan yang terdiri daripada staf dan pelajar berganding bahu untuk menyediakan hidangan. Usaha bersama ini bukan sahaja memudahkan pengagihan daging korban kepada mereka yang memerlukan, tetapi juga mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan warga Pusat Asasi UIAM.

Kejayaan Program Ibadah Korban di Pusat Asasi UIAM dapat diukur bukan sahaja melalui kelancaran pelaksanaan aktiviti pada hari tersebut tetapi juga melalui impaknya yang berpanjangan kepada komuniti. Acara ini menjadi demonstrasi praktikal konsep rahmatan lil 'ālamīn (rahmat kepada sekalian alam), kerana ia menghimpunkan individu dari pelbagai latar belakang dalam amalan ibadah dan kebajikan yang dikongsi bersama.

Tambahan pula, program ini menyumbang secara signifikan kepada pengukuhan hubungan komuniti dan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga Pusat Asasi UIAM. Dengan menyertai amalan mulia ini, staf dan pelajar mengalami sendiri kemudahan dan kepuasan melaksanakan ibadah dalam persekitaran yang menyokong dan inklusif.



KETUA PERLEMBAGAAN UIAM BERKENAN BERCEMAR DULI HADIR SAMBUTAN PENUTUP ULANG TAHUN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA KE-40 ROSLAN BIN RUSLY

Bersempena dengan sambutan ulang tahun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ke-40, Pusat Pembangunan Kesenian dan Kelestarian Budaya UIAM (CITRA) dan UIAM Kampus Kuantan menganjurkan Sambutan Penutup Ulang Tahun UIAM Ke-40 pada 11 Mei 2024. Majlis ini berlangsung di Dewan Utama, UIAM Kampus Kuantan.

Ketua Perlembagaan UIAM, Kebawah Duli Paduka Baginda, Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj berkenan bercemar duli untuk berangkat hadir dan diiringi paduka anakanda, YAM Tengku Panglima Perang Tengku Ahmad Ismail Mu'adzam Shah Ibnu Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Bersempena dengan ulang tahun penubuhan UIAM yang ke-40, pelbagai aktiviti sambutan ulang tahun telah dianjurkan oleh pelbagai Kulliyah dan Jabatan termasuk program yang melibatkan kakitangan dan pelajar UIAM.

Kampus Kuantan UIAM bersama CITRA Pusat Asasi UIAM di kampus Gambang dan kampus Gombak berganding bahu bagi menjayakan sambutan Penutup Ulang Tahun UIAM Ke-40. Sambutan ulang tahun UIAM ini diraikan selama setahun bermula Mei 2023, bersempena dengan penubuhan UIAM pada Mei 1983.

Objektif sambutan ini dianjurkan ialah untuk merapatkan lagi ukhwah dalam kalangan warga UIAM dan ia juga sebagai tanda terima kasih kepada semua warga UIAM yang bersama menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang sambutan ulang tahun. Sambutan ini juga mengangkat tema Hari Ibu Sedunia yang disambut pada 12 Mei setiap tahun bagi menghargai dan mengingati pengorbanan seorang Ibu.

Majlis ini dijayakan oleh para pelajar dan kakitangan UIAM. Antara persembahan yang berlangsung ialah persembahan caklempong, angklung, gamelan, sajak, nasyid, kumpulan pemuzik dan perkusi. Hadir pada Majlis ini ialah Datin Sri Dato' Burhah binti Muhammed, Isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Rektor UIAM, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzul kifli Abdul Razak, Jawatkuasa Pengurusan Universiti, Pegawai kanan, kakitangan dan pelajar UIAM.



IUM ARABIC ORATORY LEAGUE 2024 MOHAMAD IKMAL HAKIMI MOHAMAD HELNI

IUM Arabic Debate and Public Speaking Club has successfully organised a public speaking and debate competition namely IUM Arabic Oratory League (IAOL) MINBAR 2024 which gathers Arabic debaters from all 4 campuses; Gombak, Pagoh, Kuantan and Gambang campuses.

The tournament was held from 17 to 19 May 2024 at IUM Gombak and received participations of more than 15 debate teams and 10 public speaking participants.

CFS IUM was represented by three debate teams which composed of students from various courses, including Foundation in Arabic, Arabic for International Communication, Human Sciences, and Islamic Revealed Knowledge. All three teams managed to reach quarter final.

At the same time, CFS IUM team also sent three representatives for public speaking competition. Two of them managed to reach the final round.

CFS IUM debate team was crowned as the champion after defeating IUM Gombak in the semi-final and another team from IUM Gombak in the final round.

CFS IUM teams also claimed other victories such as the 5th Overall Best Speaker and Finale Best Speaker.

It is hoped that these achievements would help in shaping great Arabic speakers and debaters and the start of more victories for CFS IUM Arabic debate teams.



SDG PROJECT ZERO HUNGER: SEMESTER 2, 2023/2024, CFSIUM
NAIMAH @ SABARINA BINTI MOHD SHAFIE & DR. MAZNI BINTI MOHD. NOOR

A Zero Hunger Programme has been initiated in Semester 2, 2023/2024 with the main objective of helping needy students in the campus. Aligned with SDG 2 – Zero Hunger, this programme has been successfully conducted throughout semester 2 of the 2023/2024 academic year and surely will be continued in the following semester as one of CFS main programmes. It aims to address multifaceted objectives, including ensuring students' access to adequate nutrition, providing a platform for community engagement, and supporting needy students with daily meals. The last part of the objective is to enliven (imarrah) the masjid as it becomes the hub for food distribution.

This program received supports from various academic departments and administrative units in providing breakfast and snacks to a minimum of 100 individuals, while Thursday iftars accommodated up to 400 students. The success of the initiatives was further facilitated by financial assistance from the CFS Trust Fund, contributions from staff, and donations from both internal and external stakeholders.

The CFS Zero Hunger committee consist of CFS staff from various departments and is led by Madam Naimah Mohd Shafie. The most interesting part was the "Rewang" activity in preparing the Iftar on Thursday by all departments in CFS. The committee extends its gratitude to the CFS communities for their unwavering support in terms of financial contributions, energy, and time. Special acknowledgment is also extended to the sponsors whose generosity was pivotal in realizing the programme's success.

In essence, the SDG Project Zero Hunger does not only address the need for food among underprivileged students but also fosters a culture of compassion, community engagement, and sustainable development, epitomizing the spirit of "sejahtera" in action. Through localized interventions grounded in cultural sensitivity, institutions like CFS IUM Gambang Campus pave the way for a more inclusive and resilient future.



CFS FESTIVAL 2024 : HUMANITY FOR PEACE

DAYANG KU NAJLAA MAHIRAH BINTI AG KU MOHD SHAH NIZAM BAHRI & MOHAMMAD NAQIB IMAN BIN NASARUDIN

CFS Festival merupakan aktiviti tahunan yang julung kalinya diadakan di Pusat Asasi UIAM Gambang di bawah anjuran Students' Coordination Committee 2023/2024. Pada tahun ini, program tersebut sekali lagi telah dianjurkan di Pusat Asasi UIAM Gambang dengan tema yang telah dipilih "Humanity for Peace". Rasional bagi pemilihan tema tersebut adalah untuk memupuk nilai kemanusiaan dalam kalangan pelajar dan kakitangan Pusat Asasi UIAM Gambang sepanjang pelaksanaan program. Kesemua aktiviti yang dilaksanakan telah diselaraskan dengan elemen kemanusiaan untuk mencapai objektif utama program tersebut. Festival ini juga telah berlangsung selama seminggu bermula dari 21 Mei 2024 hingga 26 Mei 2024.

Untuk pengetahuan, kejayaan dan kelancaran pelaksanaan program CFS Festival 2024 ini juga merupakan hasil Kerjasama yang baik daripada sembilan kelab Pusat Asasi UIAM Gambang termasuklah MEDCY, IDEA, PEERS, Global Community Club, Astronomy Club, Red Crecent Club, MRC Fatimah, MRC Zahrawi dan IQRA'. Tambahan pula, CFS Festival bagi tahun 2024 juga telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dan respon yang positif terutama sekali daripada warga Pusat Asasi UIAM Gambang.

Antara program berimpak besar yang telah dilaksanakan sepanjang program CFS Festival adalah MedcyFantastica : The WizMed Hospital yang telah dianjurkan oleh MEDCY (Medical Student Society). Aktiviti ini telah mengetengahkan perkongsian informasi dan kegiatan yang berkait dengan bidang perubatan seperti farmasi, pergigian dan kejururawatan. Perkongsian ilmu yang dilaksanakan sepanjang program ini sangat mudah difahami serta diakses oleh pengunjung sekaligus bermanfaat kepada mereka. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti di bawah MedcyFantastica ini telah meraih anugerah Best Academic Based Society Programme dari keseluruhan program yang diadakan di Pusat Asasi UIAM Gambang 2023/2024.

Selaras dengan tema, CFS Festival bukan sekadar ajang hiburan semata, namun juga merupakan program yang kaya dengan manfaat. Festival ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk mengeksplorasi minat dan bakat, menjalinkan silaturahim antara pelajar CFS, serta mewujudkan sifat kebersamaan. Contohnya, IDEA Arts Exhibition mempamerkan karya seni yang dihasilkan oleh para pelajar untuk dipamerkan. Tidak lupa juga, CFS Festival mengambil kesempatan untuk meningkatkan pengetahuan tentang isu Palestine dengan mengadakan Solidarity for Palestine. Kejayaan CFS Festival di tahun semasa menjadi pembakar semangat untuk mengekalkan kejayaan program ini di tahun akan datang.



SUKAN ASASI MALAYSIA

MUHAMMAD ZUL HAFIIZH BIN MOHD MUKTIYUDDIN

CFS IIUM telah mencipta sejarah gemilang dalam tiga edisi berturut-turut Sukan Asasi Malaysia, sebagai juara keseluruhan Sukan Asasi Malaysia.

Pada tahun 2022, dalam Sukan Asasi Malaysia ke-5 yang dianjurkan oleh Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, CFS IIUM berjaya mengumpul 5 pingat—2 pingat emas, 1 perak, dan 2 gangsa. Walaupun saingan sengit, prestasi ini menjadi titik permulaan bagi pencapaian cemerlang mereka sebagai juara keseluruhan.

Setahun kemudian, pada 2023, dalam Sukan Asasi Malaysia ke-6 yang dianjurkan oleh Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Kampus Gambang, CFS IIUM menonjol dengan prestasi luar biasa, membawa pulang 14 pingat emas, 4 pingat perak, dan 2 gangsa. Pencapaian ini memastikan mereka dinobatkan sebagai juara keseluruhan kejohanan tersebut.

Pada tahun 2024, dalam Sukan Asasi Malaysia ke-7 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, CFS IIUM meneruskan keunggulan mereka. Pasukan ini mempamerkan kekuatan dan keazaman yang luar biasa dengan meraih 17 pingat emas, 6 perak, dan 5 gangsa. Kemenangan ini sekali lagi menjadikan mereka juara keseluruhan buat kali ketiga berturut-turut.



SAM 2024 : SUKAN UNTUK SEMUA
SITI ZAIRYN BINTI FAKUROL RODZI

Sukan Asasi Malaysia (SAM), sebelum ini dikenali sebagai Inter-Asasi Games, merupakan inisiatif yang dipimpin oleh Majlis Dekan/ Pengarah Asasi (MDPA) Universiti Awam di Malaysia. Kejohanan ini telah berlangsung selama 3 hari bermula dari 1 hingga 3 Mac 2024 yang diadakan di Univerisiti Utara Malaysia (UUM). Bersekutu Bertambah Mutu, tahniah buat kontinjen Asasi STEM, UMT berjaya meraih kedudukan tempat ke 12 dalam senarai pungutan pingat keseluruhan. Pengalaman yang ditimba para atlet akan bersemadi dijiwa mereka. SAM 2024 dilihat adalah satu platform yang penting dalam mewujudkan spiritual sukan di dalam kalangan pelajar universiti awam. Malah, selain menyihatkan badan ia dilihat mampu mengeratkan perpaduan dan silaturahim antara warga asasi seluruh Malaysia. Dengan melibatkan pelbagai acara sukan dan pelajar dari pelbagai universiti, Kejohanan Sukan Asasi Malaysia ini boleh menjadi satu titik permulaan untuk meraikan bakat sukan dalam diri para pelajar agar cemerlang fizikal, sahsiah dan akademik. Majulah sukan untuk negara!



SAM 2024		JUMLAH			
PENGIRIAN KONTINJEN PER UNIVERSITI		EMAS	PERAKA	BRONZ	
1	UIAM	17	6	5	28
2	UM	3	3	4	10
3	UITM	2	4	4	10
4	UPM	2	0	2	4
5	UPNM	1	4	6	11
6	KMK	1	2	1	4
7	UUM	1	-	2	3
8	UMK	1	0	-	1
9	USIM	-	5	2	7
10	UKM	0	1	1	2
11	UMS	0	1	-	1
12	UMT	0	1	-	1
13	UNIMAS	-	0	1	1
14	PTSS	-	-	-	-
15	UNISZA	-	-	-	-

MEMUTUSKAN RASMI PADA 3 MAC 2024

SIL RESEARCH DAY BUKTI PELAJAR ASASI STEM KOMITED
SALMAH BINTI MOHD GHAZALI & SITI ZAIRYN BINTI FAKUROL RODZI

Pusat Asasi STEM (PASTEM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi dengan jayanya telah menganjurkan Science in Life (SIL) Research Day pada 4 April 2024. Program tahunan ini adalah salah satu program bagi Subjek Sains Dalam Kehidupan atau lebih dikenali dengan Science in Life (SIL) yang memfokuskan kepada pembentangan mini projek inovasi setiap pelajar yang mengambil subjek ini dan seterusnya mereka berkongsi ilmu tersebut bersama-sama dengan wakil guru serta pelajar sekolah menengah yang hadir semasa pameran berlangsung.

Siapa kata penyelidikan itu membosankan? Terbukti pelajar SIL Asasi STEM telah berjaya mengetengahkan variasi idea inovasi berkaitan dengan kehidupan harian seperti penghasilan sel suria dari pewarna semulajadi, penghasilan antioksidan untuk merawat kanser melalui pengekstrakan komponen kimia yang penting, penghasilan sabun dan lilin yang mempunyai pelbagai jenis aroma, membangunkan sistem akuaponik yang memberi impak positif kepada pengeluaran hasil tumbuhan dan ikan, penghantaran data menggunakan cahaya dan banyak lagi. Dengan inovasi, beberapa teknologi terbaru tercipta yang membantu mempermudah pekerjaan. Oleh itu, terbuktilah inovasi sudah pasti membawa perubahan yang lebih baik.



PROGRAM TRABEACHLYMPIC BLASTEMA SIHATKAN MENTAL PELAJAR
SITI ZAIRYN BINTI FAKUROL RODZI

Program Trabeachlympic telah berjaya dilangsungkan pada 9 Mac 2024 yang lalu anjuran kelab pelajar Asasi STEM, Kelab BlaSTEMa. Program ini dianjurkan oleh Exco Belia dan Sukan dengan kolaborasi bersama dengan Exco Kerohanian dan Perpaduan Kaum. Program ini berunsurkan kesukanan dan kerohanian. Ini sejajar dengan objektif utama penubuhan badan pelajar iaitu merapatkan ukhwah semua pelajar Asasi STEM melalui sukan serta mengenali warisan budaya negara melalui aktiviti-aktiviti permainan yang berunsurkan tradisional ini.

Pelajar makin terdedah gejala mental dimana kecenderungan bunuh diri remaja kian membimbangkan. Seajar dengan itu, Kelab BlaSTEMa mengambil pendekatan untuk merapatkan ukhwah semua pelajar Asasi STEM melalui sukan serta mengenali warisan budaya negara melalui aktiviti-aktiviti permainan yang berunsurkan tradisional ini. Antara aktiviti yang dimainkan adalah, membina istana pasir, bola tampar pantai, bola baling, boling kelapa dan permainan tarik tali. Aktiviti diluar bilik kuliah seperti ini seharusnya dipergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan bilangannya. Pelajar dapat mengurangkan stress dengan cara mengeluarkan peluh dan bersosial melalui acara sukan.



PERTANDINGAN DEBAT ANTARA ASASI (PEDAA) 2024
NURUL SYAHIDA BINTI ABU BAKAR & SITI ZAIRYN BINTI FAKUROL RODZI

Julung-julung kalinya Pusat Asasi STEM (PASTEM) dilantik oleh Mesyuarat Majlis Dekan/Pengarah Pusat Asasi Universiti Awam sebagai penganjur bagi acara Pertandingan Debat Antara Asasi (PeDAA) 2024 bagi kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pusingan awal dan suku akhir telah berlangsung secara dalam talian bermula pada 3 Februari sehingga 4 Februari dan pusingan separuh akhir pula diadakan secara bersemuka di UMT pada 17 Februari 2024. Bidang Melayu seperti 'orang berbudi, kita berbahasa' dan slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' perlu diperkasa dan dilestarikan kembali dalam masyarakat. Oleh itu program seumpama ini dilihat dapat mengasah kemahiran pengucapan awam dan seni orator, memperkembangkan seni pengucapan awam supaya ianya menjadi satu langkah progresif dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Pihak PASTEM, UMT amat berbesar hati kerana telah terpilih menjadi tuan rumah dan telah berjaya mendapatkan tajaan daripada pihak Dewan Bahasa Pustaka (DBP) dengan tajaan hadiah sebanyak RM9,800.00 bagi kategori Bahasa Melayu.

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar, Naib Canselor UMT dalam ucapan perasmian penutupan berkata, "kemahiran insani yang terbina dalam diri seorang individu membolehkan pendebat menyuarakan pendapat dengan jelas dan berdasarkan fakta." Sementara itu, YBrs. Dr. Hazami Jahari, Ketua Pengarah DPB dalam ucapan alu-aluan berkata, "DBP akan terus menyokong program kebahasaan dan persuratan dalam usaha memartabatkan dan memperkasakan bahasa kebangsaan." Jadi, marilah bersama-sama kita memartabatkan bahasa, kerana:

Yang kurik itu kendi,
Yang merah itu saga,
Yang cantik itu budi,
Yang indah itu bahasa.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PUSAT ASASI UITM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL

PEMBERSIHAN PANTAI MORIB SEMPENA HARI BUMI 2024 ZAIDI YAACOB

Bersempena sambutan Hari Bumi 2024, Jawatankuasa UiTM Green Centre (UGC), Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil dengan usaha kolaboratif bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) telah menjalankan inisiatif Program Pembersihan Pantai Morib pada 5 Mei 2024 yang lalu. Program ini telah disertai oleh seramai 80 pelajar Pusat Asasi UiTM yang diiringi oleh tiga orang pensyarah serta pegawai dari JAS dan MPKL.

Program yang dilaksanakan ini bertujuan mempromosikan gaya hidup Lestari di kalangan pelajar IPT dan orang awam. Adalah menjadi harapan supaya program ini juga dapat meningkatkan komunikasi sosial kepada para peserta melalui perkongsian maklumat antara jabatan, para pelajar serta orang awam.

Menurut Dr. Nur Asyikin Mohd Nazri selaku penyelarass UGC Pusat Asasi UiTM, program ini adalah satu lagi inisiatif memupuk kesedaran kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar di samping memupuk semangat kecintaan terhadap flora dan fauna di kalangan pelajar Pusat Asasi UiTM. Puan Siti Norida Abdul Kadir selaku pengarah projek program ini mengharapkan agar program pembersihan pantai ini dapat memupuk rasa kecintaan para pelajar yang menyertainya terhadap kewajipan menjaga kestabilan alam sekitar dan ekosistem, sekaligus melahirkan kefahaman yang jelas tentang kepentingan melestari alam sekitar sebagai satu amanah dari Allah SWT kepada manusia sebagai khalifah di mukabumi.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

 PUSAT ASASI UITM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL

PROGRAM MELUKIS MURAL
'WANGSA MAJU BANDAR PERINTIS RENDAH KARBON'
AINUL HAFIZA ABDUL HAIR DAN FAIZATUL FARAH HATTA

Pada 4 Februari 2024 yang lalu, Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menerima jemputan daripada Pusat Khidmat Parlimen Wangsa Maju bagi satu program melukis mural di Tasik Danau Kota sebagai mercu tanda "Wangsa Maju Bandar Perintis Rendah Karbon"



Seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada Exco Kebersihan dan Keceriaan, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), ahli Kelab Alam Segak Asasi (KASA) dan 2 orang penasihat dari Exco Kebersihan dan Keceriaan (JPK) iaitu Puan Faizatul Farah dan Puan Ainul Hafiza telah menyertai program melukis mural tersebut.

Program ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pelajar di dalam memupuk nilai murni untuk menceriakan kawasan sekitar dan mengukuhkan hubungan silaturahim antara pihak universiti, para pelajar dan penduduk setempat. Di samping itu, adalah diharapkan melalui program seperti ini, generasi muda yang lebih kreatif dan inovatif dapat dilahirkan.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Teknologis Zahir Hassan, Ahli Parlimen Wangsa Maju.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

 PUSAT ASASI UITM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL

SPECO 2024: SPEAK WITH CONFIDENCE! BAZRINA RAMLY



Dalam usaha mengasah kemahiran pengucapan awam dalam kalangan mahasiswa, Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menganjurkan pertandingan SPECO 2024: Speak with Confidence! Pada 4 Mei 2024 bertempat di Dewan Kuliah Pusat Asasi UiTM. Objektif pertandingan ini adalah untuk menyediakan landasan serta peluang kepada pelajar untuk mempamerkan kebolehan bertutur di dalam Bahasa Inggeris bagi tujuan pengucapan awam.

Pertandingan ini telah menyaksikan penyertaan daripada keempat-empat program Asasi UiTM iaitu program Asasi Undang-undang, Asasi Kejuruteraan, Asasi Sains dan Asasi TESL. Seramai 30 orang peserta telah disaring daripada 3400 pelajar Pusat Asasi UiTM. Tiga puluh orang peserta ini telah berentap di pusingan awal dengan tema 'Stir Up a Hornet's Nest'. Melalui pusingan awal ini, seramai 15 peserta telah berjaya ke pusingan separuh akhir dengan tema 'The Malaysian Dream'. Pada hari yang sama, 10 orang peserta telah mara ke pusingan akhir dengan tema 'Values and Virtues' di mana pengkhususan topik dicabut oleh peserta sendiri.



Majlis perasmian penutupan pertandingan SPECO 2024 ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Profesor Ir. Dr. Ahmad Farid bin Abidin@Bharun. Pengarah Pusat Asasi berasa amat kagum dengan keberanian dan keyakinan yang ditunjukkan oleh setiap peserta menjadikan setiap daripada mereka pemenang SPECO 2024. Beliau berhasrat agar pertandingan ini dapat diteruskan di Pusat Asasi UiTM agar ia dapat terus menyumbang kepada pembangunan diri mahasiswa di masa hadapan.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

 PUSAT ASASI UITM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL

SCHOOL OUTREACH PROGRAMME: HEALTH AWARENESS DR.TENGGU NORBAYA TENGGU AZHAR & EZATHUL ZERAFENA MOHD RIS

Pada 20 April 2024, satu program CSR Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah berlangsung dengan jayanya bersama-sama 250 pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MTS) Bagan Lalang.

Program yang dianjurkan oleh Unit Biologi, Pusat Asasi ini turut disertai oleh 10 orang pensyarah Biologi dan 20 orang pelajar Asasi Sains. Program 'School Outreach Programme: Health Awareness' ini diadakan bertujuan memberi kesedaran mengenai isu-isu kesihatan di kalangan remaja. Pusat Asasi merasakan amat penting para pelajar terutamanya di peringkat sekolah didedahkan dengan kepentingan menjaga kesihatan bagi memastikan pelajar kekal sihat, bertenaga dan mampu menguruskan diri sendiri. Selain itu, program ini juga bermanfaat kepada pelajar terutamanya menerbitkan rasa tanggungjawab terhadap kesihatan diri dan sekaligus membantu pelajar terus fokus dalam pembelajaran dan menjadi pelajar yang cemerlang.

Pusat Asasi berasa amat teruja kerana program ini telah mendapat maklumbalas positif daripada pihak sekolah. Pusat Asasi berharap sumbangan dan perkongsian kepakaran seperti di dalam program seperti 'School Outreach Programme' dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

 PUSAT ASASI UITM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL

KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH KUDAH 1.0

DR. NURULHUDA ADABIAH MUSTAFA DAN EZATHUL ZERAFENA

Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil bertuah kerana terlibat dalam program KUDAH 1.0 (Kutip Sampah Sambil Riadah) di Sungai Selaru, Serendah bersama NGO Friends of Rivers Malaysia (FoRM) pada 18 Februari 2024.

Turut hadir, Dato' Seri Zaini Ujang, Presiden Friends of Rivers Malaysia yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang Baharu. Mewakili Pusat Asasi UiTM adalah Encik Mahadi Kamaludin, Timbalan Pengarah HEP & ICAN, Dr. Nurulhuda Adabiah Mustafa, Pengetua Kolej, dan Encik Irwan Effendi, Koordinator ICAN. Program ini turut disertai oleh 26 orang pelajar Pusat Asasi, aktivis Friends of Sungai Selaru & Sungai Terachi serta wakil daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Program dimulakan dengan sesi regangan, diikuti aktiviti pembersihan dan pengindahan Sungai Selaru. Pelajar-pelajar Pusat Asasi telah diberi penghormatan menanam pokok kelapa di pinggir Sungai Terachi sebagai simbolik tanda persahabatan.

Peserta juga bertuah kerana berpeluang mendengar ucapan daripada Dato' Seri Zaini Ujang berkenaan kepentingan sungai dalam kehidupan serta pelajaran yang diperolehi daripada aktiviti pemuliharaan Sungai Kyoto di Jepun.



ASASIPINTAR MOVIE PREMIERE 23/24
HADIRAH AMALIN & DR AZIZAH BINTI MOHD ZAHIDI

ASASIPintar Movie Premiere 23/24 merupakan program yang dianjurkan atas hasil kerja kursus PNAP1073 iaitu Apresiasi Bahasa dan Kesusasteraan dimana ia merujuk kepada pembuatan filem pendek beradaptasikan karya sastera. Dua karya yang ditulis oleh Wilfred Owen adalah bertajuk 'Dulce et Decorum est' dan Marge Piercy, 'Barbie Doll'. Program ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh pensyarah kursus Apresiasi Bahasa dan Kesusasteraan dengan bantuan Persatuan Pelajar ASASIPintar sesi 2023/2024. Aktiviti ini dapat memupuk kemahiran melaksanakan program disamping membina kreativiti karya di dalam bidang seni dan sastera. Selain itu, ia juga membenarkan pelajar aliran sains tulen program ASASIPintar untuk merehatkan minda mereka sambil menghasilkan filem pendek dengan menggunakan kreativiti masing-masing. Program ini dirasmikan oleh Ketua Program ASASIPintar, Dr Azizah binti Mohd Zahidi pada 26 Januari 2024 dengan bertemakan "Barbenheimer" dan turut dihadiri oleh barisan pensyarah serta para pelajar ASASIPintar dan Kolej PERMATA@Pintar Negara. Turut diraikan, barisan juri yang terdiri daripada panel professional yang mempunyai pengalaman dalam industri seni hiburan tanah air seperti Cik Nur Intan Syuhadah binti Mohammad Mohsan, pelakon suara siri Boboiboy. Terdapat 14 karya filem pendek yang dipertandingkan dalam program ini dan kualiti serta kandungan filem pendek dinilai oleh 5 juri jemputan. Melalui kerjasama yang diberikan, program ini berlangsung dengan jayanya.



LAWATAN PROGRAM ASASI PINTAR KE FAKULTI SAINS DAN KESIHATAN UKM DR SIEW EE LING

Pada 19 Januari, 2 pensyarah pengiring iaitu Dr Siew Ee Ling dan Dr Noorhayati telah membawa seramai 80 orang pelajar program ASASipintar UKM ke Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UKM. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar ASASipintar untuk mengenali program-program pengajian prasiswazah yang bakal ditawarkan oleh FSK untuk sesi pengajian 2024/2025. Taklimat FSK ini kemudian disampaikan oleh Profesor Madya Dr Akmal Sabarudin selaku Timbalan Dekan (Prasiswazah) FSK dan diikuti oleh lawatan ke setiap program pengajian yang berada di FSK. Para pelajar ASASipintar juga diberi pendedahan tentang prospek kerjaya selepas menamatkan pengajian di FSK. Rombongan ini berakhir pada pukul 2.00 petang.



FESTIVAL PANTUN ANTARA ASASI (FANTASI 2024)
TO'PUAN DR TENGGU ELMI AZLINA BINTI TENGGU MUDA

Pada 25-27 Februari 2024, program ASASIpinter UKM telah dipilih sebagai penganjur kepada Festival Pantun Antara Asasi (FANTASI) oleh Majlis Dekan / Pengarah Asasi Universiti dengan kerjasama bersama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pertandingan ini merupakan acara tahunan yang melibatkan penyertaan pelajar asasi seluruh Universiti Awam dan juga Matrikulasi. Pada tahun ini, sebanyak 22 pasukan (88 peserta) telah menyertai pertandingan ini, termasuk Politeknik Malaysia. FANTASI 2024 ini dirasmikan oleh Encik Mohamed Asrof Semin selaku Pengarah Pusat Kebudayaan UKM, dimana beliau mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof Madya Dr Mohd Suzeren Md Jamil. Bagi menjayakan program ini, pihak DBP dengan besar hati memberikan sumbangan hadiah berbentuk wang dan buku kepada pemenang kategori pertandingan seperti berikut:

- Juara (Wang tunai RM2500, sijil, buku, medal dan piala pusingan)
- Naib Juara (Wang tunai RM2000, sijil, buku dan medal)
- Tempat ketiga (Wang tunai RM1500, sijil, buku dan medal)
- Tempat keempat (Wang tunai RM1000, sijil, buku dan medal)
- Saguhati 4 Pasukan (Wang tunai RM500, sijil, buku dan medal)
- Pemantun Terbaik Pusingan Akhir (Wang tunai RM300, sijil, buku dan medal)

Program ASASIpinter UKM pula memberi tajaan untuk kategori berikut:

- Pemantun Terbaik Keseluruhan (Wang tunai RM300, sijil, medal)
- Pembukaan Terbaik (Wang tunai RM300, sijil, medal)
- Busana Terbaik (Wang tunai RM300, sijil, medal)

Pertandingan ini diadili oleh 33 orang juri dari pelbagai kepakaran samada di dalam Selangor atau luar Selangor. Pasukan A Universiti Teknologi Mara A (UiTM A) dan Universiti Malaya (UM) berjaya mara ke pusingan akhir dimana pasukan A UiTM telah menjadi juara FANTASI 2024 pada tahun ini. Tahniah diucapkan.



PRE-UNIVERSITY MATRICULATION INNOVATION COMPETITION (PIITRAM2024) DR CHIN SIEW XIAN & DR NOR FARHAH RAZAK

Pre-Universiti Matriculation Innovation Competition 2024 (PIITRAM2024) telah berlangsung pada 24 Februari 2024 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pertandingan ini telah memberi peluang kepada pelajar pra-universiti untuk mempamerkan bakat dan kreativiti mereka dalam menghasilkan projek penyelidikan dan inovasi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan analitikal serta mempraktikkan kemahiran menyelesaikan masalah. Pelajar. Seramai 70 orang pelajar dan 8 orang pensyarah dari Program ASASIPintar UKM telah menyertai pertandingan ini dimana 14 kumpulan penyertaan dalam kategori pelajar. Program ASASIPintar UKM berjaya meraih 1 pingat emas, 8 pingat perak, dan 4 pingat gangsa. Kejayaan cemerlang ini mencerminkan usaha gigih dan komitmen yang ditunjukkan oleh para pelajar serta bimbingan yang tidak ternilai daripada mentor mereka.

Kemenangan pingat emas tunggal disumbangkan oleh kumpulan Farah Lydia Mohd Zahid, Pang Xin Yue, Loh Chai Ling, Aisyah Nabilah Mohamad Nizami, dan Nur Aqilah Helmi Iskandar di bawah bimbingan Dr. Ikhwan Zakaria dengan projek inovatif mereka yang bertajuk "HIPOD: Black soldier flies (BSF) Portable Rearing Chamber". HIPOD adalah alat dan mekanisme pemeliharaan lalat BSF yang biasa iaitu daripada skala besar di ladang ke sistem yang kompak dan boleh dibawa ke mana-mana. Ia juga boleh membantu meningkatkan ekonomi rumahtangga bagi suri rumah yang mahu berjinak-jinak dengan penghasilan larva BSF dan baja kompos secara kecil-kecilan. Semuanya boleh diusahakan di dalam rumah sahaja.

Selain itu, 8 kumpulan lain turut meraih pingat perak dan 3 kumpulan memenangi pingat gangsa dalam pelbagai kategori projek sains dan teknologi. Antara projek yang mendapat tempat adalah "Roads into Renewable Energy", "Hydrogen Production from Sodium Borohydride Using Biomimetic Catalyst", "Bioplastic Against Carbon Dioxide Emissions", "Powering Cities, One Step at a Time", dan "Reinforced Regenerated Cellulose Biocomposite Film". Pencapaian ini membuktikan bakat dan potensi yang dimiliki oleh pelajar ASASIPintar UKM dalam menghasilkan idea kreatif dan inovatif bagi menangani cabaran semasa. Tahniah diucapkan kepada semua pelajar dan pensyarah ASASIPintar yang terlibat.



MALAYSIA NUCLEAR SCIENCE OLYMPIAD (MYNSO2024)

DR AZIZAH BINTI MOHD ZAHIDI

Pusat PERMATA@Pintar Negara UKM telah menganjurkan Malaysia Nuclear Science Olympiad (MyNSO) 2024 yang julung kalinya sejak 3 April 2024. Pertandingan ini telah menarik penyertaan sebanyak 767 peserta dari seluruh Malaysia di peringkat saringan awal Curie-1. Hasil saringan pertama telah melahirkan 43 orang peserta ke peringkat seterusnya iaitu menghadiri MyNSO 2024 National Workshop. Bengkel ini merangkumi latihan lanjutan kepada peserta dan lawatan saintifik ke Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Tenaga Atom. Ujian Curie-2 turut dilaksanakan pada hari terakhir bengkel ini untuk pencarian finalis dan wakil pasukan Malaysia ke International Nuclear Science Olympiad (INSO) di Filipina yang akan dianjurkan di sekitar 31 Julai-7 Ogos 2024. Salah seorang pelajar program ASASIPintar yang bernama Saratt A/L Suthagar telah berjaya ditabalkan sebagai pemenang dalam Ujian Saringan Curie-2 yang telah diadakan pada 12 Mei 2024. Sehubungan itu, beliau telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke "International Nuclear Science Olympiad" yang akan berlangsung di New Clark City, Capas Tarlac, Filipina pada 31 Julai 2024 hingga 7 Ogos 2024. Dengan itu, Saratt perlu mengikuti latihan intensif sebagai persediaan untuk INSO 2024 yang akan bermula pada 27 Mei 2024 secara dalam talian dan fizikal. Segala kos penyertaan, penerbangan, penginapan dan makanan adalah ditaja sepenuhnya oleh pihak penganjur sepanjang pertandingan ini berlangsung. Tahniah diucapkan kepada Saratt A/L Suthagar!





KEBERKATAN MALAM ISRAK MIKRAJ DI SURAU DARUL HIJRAH, KOLEJ KEDIAMAN
UNGKU AZIZ

NUR FATIN AMIRA BINTI MOHD AZMAN, NUR 'AIN BATRISYA BINTI YAHYA

****KUALA LUMPUR:**** Pada malam yang penuh keberkatan, jemaah Surau Darul Hijrah, Kolej Kediaman Ungku Aziz (KUAZ), disinari dengan kehadiran sebuah tazkirah istimewa yang mengisahkan peristiwa agung Israk Mikraj. Acara yang berlangsung pada 7 Februari 2024 ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Perkembangan Pelajar Kerohanian dan Perpaduan (JKP KEP), dengan Saudara Muhammad Hilmie Bin Sadikon, Pengerusi JKP KEP KUAZ sesi 2023/2024, berperanan sebagai penceramah.

Israk Mikraj merupakan peristiwa luar biasa dalam sejarah Islam, di mana Rasulullah SAW melakukan perjalanan dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis, kemudian naik ke langit ketujuh untuk bertemu dengan Allah SWT. Perjalanan ini bukan sahaja fizikal, tetapi juga merupakan satu pengembaraan spiritual yang memperkuat iman dan pengabdian kepada Allah.

Dalam tazkirahnya, Saudara Hilmie membawa para jemaah menyelusuri perjalanan yang dilalui oleh Rasulullah SAW dalam Israk Mikraj. Dengan penuh semangat dan kefasihan, beliau merungkai makna simbolik di sebalik setiap peristiwa, memberikan gambaran yang jelas tentang keajaiban dan kebesaran Allah SWT. Setiap cerita dan pengajaran yang dikongsikan menekankan betapa pentingnya kita mengambil iktibar dari kisah ini, serta menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari.

Kisah Israk Mikraj mengandungi pelbagai hikmah dan pengajaran, seperti pentingnya menjaga solat, menguatkan iman, serta menghadapi cabaran dengan kesabaran dan kepercayaan kepada Allah SWT. Saudara Hilmie turut menegaskan bahawa peristiwa ini bukan hanya berlaku pada masa lalu, tetapi mempunyai relevansi dan kepentingan besar dalam kehidupan umat Islam pada hari ini.

Sepanjang tazkirah, suasana surau dipenuhi dengan kehadiran para jemaah yang merenung dengan penuh khusyuk, menghayati setiap kata-kata hikmah yang disampaikan. Penyampaian Saudara Hilmie yang penuh penghayatan berjaya menyentuh hati jemaah, mengingatkan mereka akan keagungan Allah dan pengorbanan Rasulullah SAW. Acara ini bukan sahaja meninggalkan kesan mendalam dalam hati para jemaah, tetapi juga meningkatkan kecintaan mereka kepada agama dan Rasulullah SAW.



KEBERKATAN MALAM ISRAK MIKRAJ DI SURAU DARUL HIJRAH, KOLEJ KEDIAMAN
UNGKU AZIZ

NUR FATIN AMIRA BINTI MOHD AZMAN, NUR 'AIN BATRISYA BINTI YAHYA

Tazkirah yang bermula selepas solat berjemaah Maghrib dan berlanjutan hingga masuk waktu solat Isyak ini, dibincangkan secara mendalam setiap aspek peristiwa Israk Mikraj. Semangat kesatuan dan kebersamaan dalam memperkukuhkan iman terasa di setiap sudut surau. Para jemaah turut mengambil peluang untuk bertanya dan berinteraksi dengan penceramah, menjadikan tazkirah ini lebih interaktif dan bermakna.

Tazkirah ringkas mengenai Israk Mikraj ini menjadi satu pengalaman yang bermakna dan memberi sinar keinsafan kepada setiap individu yang hadir. Semoga kita sentiasa mengambil iktibar dan mengamalkan pengajaran yang diperolehi, serta terus mengukuhkan hubungan kita dengan Allah SWT dalam segala aspek kehidupan kita.





KEBERKATAN MALAM AMBANG RAMADAN DI KOLEJ KEDIAMAN UNGKU AZIZ
NUR FATIN AMIRA BINTI MOHD AZMAN, NUR 'AIN BATRISYA BINTI YAHYA

KUALA LUMPUR: Pada malam 7 Mac 2024 bersamaan 26 Sya'ban, Dewan Pendeta Kolej Kediaman Ungku Aziz (KUAZ) diselubungi aura keberkatan dan semangat keagamaan ketika acara yang dinanti-nantikan, "Ceramah Ambang Ramadan: Ramadan Bulan Tarbiah," berlangsung. Jawatankuasa Perkembangan Pelajar Kerohanian dan Perpaduan (JKP KEP) KUAZ dengan penuh semangat menganjurkan acara ini, bertujuan memberi panduan dan inspirasi menjelang kedatangan bulan Ramadan yang mulia.

Dengan tema "Ramadan Bulan Tarbiah," jemaah diperkukuhkan dengan kehadiran penceramah terkemuka, Kepten (M) Ustaz Hj Nik Kamaruddin Bin Yunoh, yang terkenal dengan ilmu dan kebijaksanaan dalam bidang keagamaan. Beliau merupakan Pegawai Agama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta salah seorang panel program "Tanyalah Ustaz". Acara yang dimulakan pada jam 8 malam dan berakhir pada jam 10.30 malam ini, disambut dengan penuh keghairahan oleh pelajar-pelajar serta penghuni-penghuni kolej beragama Islam yang merindukan kehadiran spiritual yang mendalam.

Suasana dewan diserikan dengan ketibaan dan perarakan tetamu, memperkukuhkan kebersamaan dan keikhlasan dalam menyambut bulan Ramadan yang mulia. Bacaan Asmaul Husna yang merdu turut mengisi ruang, mengukuhkan lagi kebesaran nama-nama Allah SWT dalam hati setiap individu yang hadir.

Ketika Saudara Hazmi Azim bin Abdul Razak dengan penuh khidmat memimpin bacaan doa, suasana dewan diselubungi ketenangan dan kekhusyukan, mengalirkan barakah dan kesucian kepada seluruh majlis. Saudari Lutfiah Low binti Muhammad Ridhwan, Pengarah Program Ihya' Ramadan 1445 Hijrah, kemudian menyampaikan ucapan alu-aluan yang penuh semangat, menjelaskan matlamat serta harapan bagi program yang bakal dijalankan, memberi inspirasi kepada jemaah untuk menyertai dan menikmati setiap aktiviti yang disediakan.



KEBERKATAN MALAM AMBANG RAMADAN DI KOLEJ KEDIAMAN UNGKU AZIZ NUR FATIN AMIRA BINTI MOHD AZMAN, NUR 'AIN BATRISYA BINTI YAHYA

Acara mencapai puncaknya dengan ucapan perasmian oleh Yang Berusaha Dr. Nor Azlina Binti Abd Aziz, Pengetua Kolej KUAZ, yang menghadirkan aura keagamaan dan kehormatan dalam dewan tersebut. Dalam ucapan perasmian beliau, terpancar semangat kebersamaan dan harapan untuk melalui Ramadan dengan penuh keinsafan dan keberkatan. Tayangan video dari biro multimedia Program Ihya' Ramadan menambah seri kepada acara, memberikan gambaran yang jelas tentang aktiviti dan tujuan program tersebut, serta membangkitkan semangat keagamaan dalam diri setiap jemaah yang hadir.

Namun, pengisian yang paling dinantikan ialah ceramah daripada Kepten (M) Ustaz Hj Nik Kamaruddin Bin Yunoh sendiri. Dengan penuh kewibawaan dan ilmu yang dimilikinya, beliau menyampaikan isi ceramah yang meresap ke dalam jiwa setiap hadirin. Ceramah bertajuk "Ramadan Bulan Tarbiah" membawa pesanan keinsafan dan pemahaman yang mendalam tentang pentingnya Ramadan sebagai bulan pembinaan diri, mengingatkan jemaah untuk menjalani Ramadan dengan penuh kesungguhan dan keinsafan yang mendalam.

Acara diakhiri dengan perarakan keluar tetamu jemputan, namun semangat Ramadan dan semangat tarbiah tetap melekat di dalam setiap hati yang hadir. Semoga ceramah ini memberi inspirasi dan kekuatan kepada semua jemaah untuk menjalani Ramadan dengan penuh kesungguhan dan keinsafan yang mendalam, serta mengukuhkan lagi hubungan mereka dengan Allah SWT dalam segala aspek kehidupan mereka.





KEJAYAAN BERSAMA: SUKAN KUDOS UNIVERSITI MALAYA 2024

CHRISTIAN CLIFF

KUALA LUMPUR: KUDOS 2024, atau lebih dikenali sebagai KUAZ and DAYASARI OLUMPICS, merupakan acara sukan yang dinanti-nantikan oleh warga Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM). Sukan ini akan berlangsung selama dua minggu bermula 13 Januari hingga 28 Januari 2024. Tujuan utama KUDOS adalah untuk mencari dan merekrut atlet-atlet berbakat yang berpotensi tinggi untuk mewakili Universiti Malaya ke Sukan Asasi Malaysia. Selain itu, KUDOS bertujuan membentuk pelajar PASUM yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga aktif dalam acara sukan. KUDOS juga memupuk semangat kesukanan, perpaduan, dan kebersamaan dalam kalangan ahli rumah sukan yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Pelbagai jenis sukan akan dipertandingkan dalam KUDOS, termasuk bola sepak, badminton, bola keranjang, olahraga, ragbi, bola tampar, sepak takraw, serta permainan e-sukan seperti Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) dan PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG). Empat rumah sukan yang terlibat ialah Targaryen, Lannister, Stark, dan Baratheon. Pertandingan diadakan setiap petang hingga malam pada hari bekerja, dan dari pagi hingga malam pada hujung minggu.

KUDOS bermula dengan perarakan megah warga PASUM menuju UM Arena untuk majlis pembukaan yang dijadualkan pada waktu pagi. Majlis penuh semangat ini dimulakan dengan nyanyian lagu Universiti Malaya dan Negaraku sebagai penghormatan kepada institusi dan negara. Dr. Mohd Fahmi Azman memberikan kata-kata semangat kepada semua hadirin sebelum merasmikan pembukaan rasmi KUDOS. Selepas ucapan beliau, perarakan kontijen atlet dari setiap rumah sukan dimulakan dengan semangat yang berkobar-kobar.

Ketua rumah sukan menyampaikan bacaan ikrar yang penuh dengan semangat kebangsaan dan persaudaraan, mengikat semua hadirin dalam komitmen kepada kecemerlangan dan semangat sukan. Acara olahraga dimulakan dengan penuh semangat dan antusiasme, menyaksikan peserta dari setiap rumah sukan beraksi dengan kemahiran dan kecekalan mereka.

Pada tengah hari, acara diberhentikan untuk memberi ruang kepada semua hadirin menunaikan solat, menunjukkan keharmonian dan keagungan dalam kegiatan sukan ini. Setelah berehat, KUDOS diteruskan pada petang dengan lebih banyak acara sukan yang mencabar dan mendebarkan. Kemeriahan mencapai puncaknya pada petang itu, dengan teriakan gemuruh yang melonjak tinggi dari para penyokong setia atlet mereka, memberikan semangat tambahan kepada peserta untuk terus berusaha dan berjuang dengan gigih demi kejayaan rumah sukan masing-masing.



KEJAYAAN BERSAMA: SUKAN KUDOS UNIVERSITI MALAYA 2024

CHRISTIAN CLIFF

Meskipun menjalani jadual kuliah dan tutorial yang padat dari jam 8 pagi hingga 5 petang, semangat juang warga PASUM tidak terpadam oleh kepenatan. Mereka dengan penuh semangat melangkah ke gelanggang pertandingan untuk menunjukkan bakat dan kecemerlangan mereka dalam pelbagai sukan. Atlet-atlet ini tidak terikat kepada satu pertandingan sahaja, memperlihatkan fleksibiliti luar biasa dalam mengharungi cabaran di setiap gelanggang. Suasana tetap santai di sekitar gelanggang dengan kehadiran gerai-gerai makanan yang menawarkan hidangan lazat seperti keropok lekor dan minuman menyegarkan. Ini memberi peluang kepada penyokong untuk mengisi perut sambil menikmati aksi sukan yang mendebarkan.

KUDOS 2024 turut meriah di pelbagai lokasi lain termasuk Pusat Sukan, gelanggang kolej kediaman ke-11 dan ke-5, serta Dewan Pendeta. Antara acara yang menarik perhatian termasuk ping pong, Mobile Legends, dan PUBG, yang menjanjikan pertarungan sengit di setiap sajian. Kemeriahan KUDOS juga diperkaya dengan persembahan menarik dari para atlet rumah sukan. Dalam bidang bola sepak, kehebatan strategi atlet rumah sukan menarik perhatian para penyokong dengan permainan yang mengagumkan. Seperti peribahasa "seperti ribut sebelum hujan," KUDOS 2024 membawa atmosfera keghairahan yang membakar semangat setiap individu yang turut serta.

Menjelang 28 Januari 2024, KUDOS mengakhiri siri perlawanan dengan acara puncak, pertandingan bola keranjang yang dinantikan untuk menentukan juara. Dalam suasana penuh keghairahan, Dr. Azlina, Pengetua Kolej Kediaman Ungku Aziz, turut memeriahkan majlis penutupan KUDOS yang berlangsung pada pukul 8:30 malam. Tentatif majlis penutupan merangkumi pengumuman juara keseluruhan KUDOS, di mana rumah sukan Lannister diangkat sebagai Juara KUDOS dengan prestasi cemerlang mereka. Majlis diteruskan dengan sesi penghargaan kepada rumah sukan dan para pemenang KUDOS.

Dengan berakhirnya KUDOS tahun ini, semangat kecemerlangan dan persaudaraan yang diserlahkan dalam acara ini akan terus berkobar dalam hati setiap individu. Ini merupakan pengakhiran yang bermakna bagi sebuah peristiwa yang memperkukuhkan ikatan kekeluargaan dan semangat persaingan yang sihat.





RED DROP RENDEZVOUS: PROGRAM DERMA DARAH YANG MENGGUGAH
SEMANGAT SUKARELAWAN DI KUAZ
NICHOLE LI YEE XIAN, NUR ALIESYA NAJWA BINTI MUHAMMAD HELME

KUALA LUMPUR: Pada 23 dan 24 Februari 2024, Jawatankuasa Kerja Perkembangan Kebajikan dan Kemasyarakatan Kolej Kediaman Ungku Aziz (KUAZ) telah berjaya melaksanakan program Red Drop Rendezvous dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN). Program ini bertujuan menggalakkan komuniti kolej serta orang awam untuk menyemarakkan semangat sukarelawan dalam diri peserta untuk menderma darah. Sambutan yang luar biasa daripada penghuni KUAZ dan masyarakat umum membuktikan keberkesanan program dalam mencapai matlamat utamanya.

Program Red Drop Rendezvous dijalankan dengan teliti melalui beberapa stesen. Stesen pertama adalah stesen pendaftaran, tempat peserta mendaftarkan diri mengikut slot masa yang telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa program. Selain peserta yang telah mendaftar, terdapat juga mereka yang sukarela datang (walk-in) untuk menderma darah. Seterusnya, peserta mengisi borang kesihatan dan menjalani ujian darah sebagai langkah awal dalam menentukan kelayakan mereka. Peserta yang layak untuk menderma darah dibawa ke stesen seterusnya, iaitu stesen menderma darah. Akhir sekali, peserta menerima sijil, cenderamata, dan beberapa preskripsi ubat daripada pihak PDN sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku kesan sampingan selepas menderma darah.

Kelancaran pelaksanaan program serta respons positif daripada para peserta membuktikan keberkesanan program ini dalam mewujudkan kesedaran akan kepentingan pendermaan darah bagi menyokong keperluan transfusi darah di negara kita. Program Red Drop Rendezvous bukan sahaja menjadi medium untuk penghuni KUAZ melibatkan diri, tetapi juga menjadi platform untuk masyarakat umum berpartisipasi dalam aktiviti kemanusiaan ini.

Kerjasama erat antara KUAZ dan PDN memastikan program ini bukan sahaja memberi peluang kepada individu untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui sumbangan darah mereka, tetapi juga meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya penyumbangan darah bagi menyokong sistem kesihatan negara.

Akhir kata, pihak pengurusan program Red Drop Rendezvous mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta yang telah membantu menjayakan matlamat dan objektif program ini. Terima kasih yang tidak terhingga turut diucapkan kepada barisan ahli jawatankuasa atas usaha dan dedikasi mereka dalam menguruskan program ini.



**RED DROP RENDEZVOUS: PROGRAM DERMA DARAH YANG MENGGUGAH
SEMANGAT SUKARELAWAN DI KUAZ
NICHOLE LI YEE XIAN, NUR ALIESYA NAJWA BINTI MUHAMMAD HELME**

KUALA LUMPUR: Pada 23 dan 24 Februari 2024, Jawatankuasa Kerja Perkembangan Kebajikan dan Kemasyarakatan Kolej Kediaman Ungku Aziz (KUAZ) telah berjaya melaksanakan program Red Drop Rendezvous dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN). Program ini bertujuan menggalakkan komuniti kolej serta orang awam untuk menyemarakkan semangat sukarelawan dalam diri peserta untuk menderma darah. Sambutan yang luar biasa daripada penghuni KUAZ dan masyarakat umum membuktikan keberkesanan program dalam mencapai matlamat utamanya.

Program Red Drop Rendezvous dijalankan dengan teliti melalui beberapa stesen. Stesen pertama adalah stesen pendaftaran, tempat peserta mendaftarkan diri mengikut slot masa yang telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa program. Selain peserta yang telah mendaftar, terdapat juga mereka yang sukarela datang (walk-in) untuk menderma darah. Seterusnya, peserta mengisi borang kesihatan dan menjalani ujian darah sebagai langkah awal dalam menentukan kelayakan mereka. Peserta yang layak untuk menderma darah dibawa ke stesen seterusnya, iaitu stesen menderma darah. Akhir sekali, peserta menerima sijil, cenderamata, dan beberapa preskripsi ubat daripada pihak PDN sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku kesan sampingan selepas menderma darah.

Kelancaran pelaksanaan program serta respons positif daripada para peserta membuktikan keberkesanan program ini dalam mewujudkan kesedaran akan kepentingan pendermaan darah bagi menyokong keperluan transfusi darah di negara kita. Program Red Drop Rendezvous bukan sahaja menjadi medium untuk penghuni KUAZ melibatkan diri, tetapi juga menjadi platform untuk masyarakat umum berpartisipasi dalam aktiviti kemanusiaan ini.

Kerjasama erat antara KUAZ dan PDN memastikan program ini bukan sahaja memberi peluang kepada individu untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui sumbangan darah mereka, tetapi juga meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya penyumbangan darah bagi menyokong sistem kesihatan negara.

Akhir kata, pihak pengurusan program Red Drop Rendezvous mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta yang telah membantu menjayakan matlamat dan objektif program ini. Terima kasih yang tidak terhingga turut diucapkan kepada barisan ahli jawatankuasa atas usaha dan dedikasi mereka dalam menguruskan program ini.



RED DROP RENDEZVOUS: PROGRAM DERMA DARAH YANG MENGGUGAH SEMANGAT SUKARELAWAN DI KUAZ NICHOLE LI YEE XIAN, NUR ALIESYA NAJWA BINTI MUHAMMAD HELME

Ahli jawatankuasa Red Drop Rendezvous sedang menyediakan Dewan Pendeta KUAZ untuk program derma darah.



Ketibaan para peserta ke Dewan Pendeta KUAZ.



Proses pengisian borang kesihatan sedang dijalankan.



Para peserta sedang menunggu giliran mereka untuk menjalani proses ujian darah.



Para peserta kelihatan bersemangat untuk menderma darah dan membantu menjayakan matlamat program.



PASUM BERJAYA MERAH KEJAYAAN DI SUKAN ASASI MALAYSIA 2024

NUR FAREEN NATASYA BINTI FARID H ASKALI

KEDAH: Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) telah menghantar seramai 113 pelajar sebagai atlet untuk bertanding dalam Sukan Asasi Malaysia 2024. Acara tahunan yang dinanti-nantikan ini diadakan bagi mendorong kecergasan fizikal, pembangunan sosial, dan integrasi antara pelbagai lapisan masyarakat. Sukan Asasi Malaysia menjadi platform penting di mana mahasiswa dari seluruh negara berkumpul untuk bersaing, menyokong pembangunan atlet tempatan, dan memupuk semangat persaingan yang sihat di kalangan belia Malaysia.

Pada tahun ini, Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah menjadi tuan rumah bagi acara yang berlangsung dari 1 Mac hingga 3 Mac 2024. Kontinjen dari Universiti Malaya terdiri daripada 143 orang, termasuk atlet, ahli jawatankuasa, dan pengiring. Sebelum hari pertandingan, pelbagai persediaan telah dilakukan bagi memastikan acara ini berjalan lancar dan dapat mengharumkan nama Universiti Malaya dengan membawa pulang kemenangan.

Fasa latihan intensif telah dijalankan dengan bantuan pengurus pasukan dan jurulatih berkaliber bagi mempersiapkan para atlet. Ahli jawatankuasa juga telah membuat persediaan mantap untuk memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar terjaga sepanjang acara. Para pengiring dan barisan pentadbiran Pusat Asasi Sains Universiti Malaya turut memberikan sokongan dan bantuan, terutamanya dari segi kewangan, agar persiapan yang cukup dapat dilakukan. Sebelum berangkat ke Universiti Utara Malaysia, majlis penyerahan bendera diadakan untuk meningkatkan semangat para atlet.

Kontinjen Universiti Malaya menghantar wakil bagi semua acara sukan, termasuk bola jaring, bola tampar, futsal, karom, petanque, catur, olahraga, ping pong, dan badminton. Selain itu, wakil turut dihantar bagi e-sukan seperti Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) dan PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG). Setelah bertanding dengan penuh semangat, Universiti Malaya berjaya meraih naib johan keseluruhan dengan memenangi tiga pingat emas, tiga pingat perak, dan empat pingat gangsa.

Pingat emas dimenangi oleh pasukan bola jaring serta dua acara olahraga, iaitu 800 m kategori perempuan dan lelaki. Pingat perak pula diraih dalam acara catur kategori perempuan dan dua acara olahraga, iaitu 4 x 400 m dan 1500 m kategori lelaki. Akhir sekali, pingat gangsa diperoleh dalam acara ping pong keseluruhan, catur kategori individu lelaki, olahraga 800 m kategori lelaki, dan pasukan petanque. Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan juga atlet lain atas usaha mereka dalam mengekalkan semangat kesukanan.



UNIVERSITI
MALAYA

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

PASUM BERJAYA MERAH KEJAYAAN DI SUKAN ASASI MALAYSIA 2024

NUR FAREEN NATASYA BINTI FARID H ASKALI

Ketua Sukan Asasi Malaysia 2024, Encik Hafizul bin Mat, mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa Sukan Asasi Malaysia kontinjen Universiti Malaya, para pengurus pasukan, dan atlet kerana telah memberikan yang terbaik. Beliau turut berkata, "Berbanggalah dengan diri anda kerana telah menaikkan nama Universiti Malaya dengan meraih naib johan keseluruhan atas usaha kalian sendiri. Tahniah diucapkan kepada semua pelajar dan hargailah pengalaman berharga ini."





THE STAGE IS YOURS; MINDA KREATIF: PEMACU UTAMA TRANSFORMASI SOSIAL
JKP KREATIF KOLEJ KEDIAMAN DAYASARI 2023/2024

Kreativiti telah menjadi satu faktor kritikal dalam pembangunan manusia dan masyarakat sejak zaman purba. Ia bukan sekadar kemahiran atau bakat, tetapi satu kekuatan yang mampu merangkul dan mengubah dunia di sekeliling kita. Dalam konteks masyarakat moden yang semakin kompleks dan berubah dengan cepat, pentingnya kreativiti semakin meningkat sebagai pemangkin utama untuk memahami, menyesuaikan diri, dan memimpin perubahan.

Program seperti "The Stage Is Yours" yang dianjurkan oleh Kolej Kediaman Dayasari merupakan satu contoh yang menonjol bagaimana kreativiti diperjuangkan dan dihormati dalam pendidikan dan pembangunan pelajar. Dibahagikan kepada dua bahagian utama - "Galau Night" dan "Grand Finale" - program ini menggabungkan seni nyanyian kugiran dan reka bentuk busana untuk menyediakan platform bagi pelajar untuk mengekspresikan diri mereka dengan bebas dan mendedahkan bakat mereka kepada komuniti kolej dan masyarakat secara lebih luas.

"Galau Night" tidak hanya menjadi satu acara hiburan, tetapi juga merupakan ruang di mana pelajar dapat menyampaikan emosi dan pengalaman mereka melalui lagu-lagu yang mereka pilih. Dengan memilih lagu-lagu yang bermakna bagi mereka, pelajar berpeluang untuk menghubungkan diri dengan penonton melalui ungkapan peribadi mereka. Di samping itu, mereka juga belajar untuk menerima dan menghargai kepelbagaian budaya dan latar belakang yang wujud dalam masyarakat mereka, mengubah acara tersebut menjadi satu perhimpunan budaya yang menyatukan pelbagai perspektif dan pengalaman.

Sementara itu, "Grand Finale" menampilkan karya seni yang lebih visual dan tanggapan secara estetik. Pelajar menunjukkan kreativiti mereka melalui reka bentuk busana yang unik dan berani, mencerminkan identiti dan ekspresi diri mereka melalui setiap jahitan dan corak. Dalam proses ini, mereka belajar tentang proses penciptaan, dari konsepsi awal hingga penghasilan akhir, serta menghargai nilai-nilai seperti kesabaran, ketekunan, dan keberanian untuk mencuba dan gagal.

Pentingnya kreativiti dalam membentuk masa depan yang lebih baik tidak boleh diabaikan. Dalam dunia yang sentiasa berubah dengan cepat, keupayaan untuk berfikir secara kreatif adalah aset yang sangat berharga. Program seperti "The Stage Is Yours" membentuk landasan untuk pemikiran inovatif dan penciptaan idea yang membawa kepada pembangunan sosial yang lebih baik. Melalui pengeksploresian seni dan fesyen, pelajar didorong untuk melihat dunia dengan mata yang lebih kreatif dan terbuka, mencari penyelesaian yang belum pernah terpikir sebelumnya untuk cabaran-cabaran masa kini.



UNIVERSITI
MALAYA

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

THE STAGE IS YOURS; MINDA KREATIF: PEMACU UTAMA TRANSFORMASI SOSIAL
JKP KREATIF KOLEJ KEDIAMAN DAYASARI 2023/2024

Kreativiti juga mempunyai daya dorong yang besar terhadap ekonomi dan keusahawanan. Program seperti "The Stage Is Yours" tidak hanya memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan bakat seni dan fesyen mereka, tetapi juga menggalakkan mereka untuk melihat potensi komersial dalam karya mereka. Melalui inisiatif seperti pameran seni atau peragaan fesyen, pelajar dapat belajar tentang aspek-aspek perniagaan dan pengurusan yang berkaitan dengan industri kreatif. Ini memberi mereka peluang untuk membina kerjaya yang berpotensi dalam bidang yang mereka minati.

Dengan demikian, "The Stage Is Yours" bukan hanya sekadar acara hiburan, tetapi juga satu inisiatif yang mendorong kesedaran dan penghargaan terhadap kreativiti sebagai pemangkin utama transformasi sosial. Melalui pendedahan dan pengeksploitanian kepelbagaian seni dan fesyen, program ini membentuk generasi yang tidak hanya kreatif tetapi juga berdaya untuk mencipta masa depan yang lebih baik bagi diri mereka sendiri dan masyarakat secara keseluruhan. Dalam dunia yang sentiasa berubah dan berkembang, kreativiti adalah senjata utama yang membawa kita ke arah pemikiran yang lebih terbuka, inovatif, dan berdaya maju.





**SEMANGAT KESUKANAN MEMBAWA KEMENANGAN : PROTOHACK23/24
AQASYAH FATIN AFRINA BINTI MOKHTAR**

SELANGOR : Jawatankuasa Kerja Perkembangan Akademik dan Intelektual Kolej Kediaman Kelima telah menganjurkan sebuah program ProtoHack yang terdiri daripada dua aktiviti iaitu, Bengkel Ideation and Prototyping dan Hackaton. Tujuan utama bengkel ni adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang pengetahuan mengenai inovasi dan prototaip. Setelah mengambil input daripada bengkel yang telah dihadiri, para pelajar akan menyertai Hackaton untuk mengaplikasikan kefahaman dan kemahiranyang telah diperoleh.

Penceramah dan juri pada hari kejadian merupakan golongan yang berpengalaman iaitu pensyarah Universiti Malaya serta alumni Pusat Sukan Universiti Malaya.

Tujuan acara ini diadakan adalah untuk memupuk pemikiran secara kritikal dan kreatif dalam kalangan pelajar untuk mencari solusi baharu yang inovatif terhadap suatu masalah dalam tempoh yang terhad. Selain itu, program ini dapat mempromosikan kerjasama dan ukhuwah antara pelajar daripada pelbagai latar belakang. Ini disebabkan oleh keterlibatan semua pelajar pusat Asasi Sains Universiti Malaya tanpa mengira aliran mereka sama ada sains fizikal, sains hayat ataupun sains sosial.

Kedua-dua program ini berlangsung pada 20 November 2023 dan 27 Januari 2024 yang bertempat di Dayasari Ballroom. ProtoHack melibatkan 12 orang ahli jawatankuasa program dan sebanyak 75 orang peserta bagi bengkel dan 38 orang peserta bagi Hackaton. Pelbagai persediaan telah dilakukan oleh pihak ahli jawatankuasa program sebelum hari program berlangsung bagi memastikan kelancaran program ini dan dapat mencapai tujuan program ini iaitu melahirkan pelbagai individu yang berpengetahuan luas dalam bidang Ideation and Prototyping serta berfikiran secara kreatif dan berdaya saing.

Tepat pukul 8.00 pagi, para peserta mula hadir ke Dayasari Ballroom dan mengambil makanan yang disediakan lalu duduk di tempat masing-masing yang telah dilampirkan melalui medium Google Teams. Setelah 30 minit berlalu, pengarah projek menjemput beberapa alumni PASUM untuk memberikan kata-kata aluan dan diteruskan dengan taklimat oleh Dr. Norli Anida, pensyarah PASUM. Setiap meja kumpulan masing-masing disediakan sehelai kertas mahjong, pen marker dan sticky notes untuk aktiviti berkumpulan yang akan dilaksanakan nanti. Antaranya ialah ice breaking, membina bangunan menggunakan spageti, menyenaraikan sepuluh masalah dan mencadangkan setiap solusi bagi masalah tersebut lalu membentangkannya.



**SEMANGAT KESUKANAN MEMBAWA KEMENANGAN : PROTOHACK23/24
AQASYAH FATIN AFRINA BINTI MOKHTAR**

Taklimat berakhir pada pukul 12.30 tengah hari bagi memberi laluan kepada para pelajar dan penceramah untuk berehat dan program akan diteruskan semula pada pukul 2.00 petang oleh Cik Raihan binti Zainudin, pensyarah PASUM. Cik Raihan mengajar para peserta cara menggunakan sebuah aplikasi yang bernama Reality Composer yang boleh dimuat turun dalam gajet masing-masing. Beliau menekankan penggunaan aplikasi ini dapat merealisasikan inovasi yang hendak dicipta dan dapat mewujudkan idea inovatif dalam kalangan pelajar. Majlis bersurai pada pukul 4.30 petang dan diakhiri dengan ucapan pengarah projek.

Manakala, pada tarikh 27 Januari 2024, pertandingan Hackaton bermula pada pukul 8.00 pagi dan senarai kumpulan masing-masing telah diedarkan sebelum bermulanya program. Kemudian, timbalan pengarah projek, membentangkan syarat-syarat pertandingan dan terus mengumumkan tajuk masalah yang perlu diselesaikan oleh peserta iaitu berkaitan bencana alam. Setiap peserta diberikan tempoh masa 8 jam untuk membuat prototaip dan video pembentangan dalam medium Youtube. Kemudian, video tersebut akan dinilai oleh alumni dan pensyarah yang terlibat pada bengkel Ideation and Prototyping yang lepas. Tidak dilupakan juga, para peserta bebas untuk memilih lokasi perbincangan bagi memberi ruang dan keselesaan kepada mereka.

Majlis penutup diadakan pada pukul 8.20 malam di lokasi yang sama iaitu Dayasari Ballroom. Untuk maluman semua, pengetua dan felo Kolej Kediaman kelima juga dijemput bagi merasmikan majlis penutup program ProtoHack 23/24. Maka, majlis bermula dengan ucapan timbalan pengarah, diikuti ucapan pengetua dan ucapan alumni-alumni Pusat Asasi Sains Universiti Malaya. Kemudian, masa yang ditunggu-tunggu telah tiba iaitu penyampaian hadiah kepada 3 kumpulan yang terbaik daripada 11 kumpulan. Tempat ketiga yang mendapat RM150 dimenangi oleh kumpulan 7. Mereka mencipta Automatic Misting System yang dapat mengurangkan kesan gelombang haba kepada persekitaran. Selepas itu, tempat kedua yang mendapat RM200 dimenangi oleh kumpulan 5. Mereka mencipta UPHEIM yang dapat mencari alternatif mudah untuk mendapatkan bantuan apabila berlakunya gempa bumi. Akhir sekali, johan disandang oleh kumpulan 11 berjaya mendapat RM250 dengan nama inovasinya, Protowow yang dapat menangani masalah banjir dan kemarau.



UNIVERSITI
MALAYA

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

SEMANGAT KESUKANAN MEMBAWA KEMENANGAN : PROTOHACK23/24
AQASYAH FATIN AFRINA BINTI MOKHTAR

Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan juga AJK-AJK yang bertungkus lumus menjayakan program ini. Semoga program ini dapat meningkatkan daya saing yang sihat antara pelajar untuk meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran pelajar di alam pekerjaan kelak.





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PUSAT PENGAJIAN ASASI UMK (UMK ASCENT)

NATIONAL INNOVATORS COMMUNITY NETWORK (ICON2024)

MUHAMMAD FAKHRULLAH ZULKIPLI

Buat julung kalinya, Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK AsCent) telah menganjurkan program Jaringan Komuniti Inovator (Innovators Community Network) 2024 peringkat kebangsaan. ICON2024 merupakan satu jenama program dari UMK AsCent yang mana telah diadakan sejak dari 2022 lagi. Penganjuran ICON untuk kali ketiga telah melibatkan pelbagai pelajar dari seluruh Malaysia. Program ini mengetengahkan produk-produk inovasi yang direka dan dibangunkan oleh para pelajar serta penasihat mereka. Terdapat 3 kategori reka cipta inovasi yang dipertandingkan iaitu peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pra-Universiti. Antara institusi yang terlibat ialah Pusat Asasi Pintar UKM, Kolej Matrikulasi Kelantan dan beberapa sekolah rendah dan menengah dari pelbagai negeri. Untuk peringkat sekolah menengah, SMK Ahmad Maher telah memenangi tempat pertama dengan inovasi mereka yang digelar Best Tiny Vacuum. Manakala untuk peringkat Pra-Universiti pula, Kolej Matrikulasi Kelantan (KMK) menjuarai tempat pertama dengan mempertaruhkan idea inovasi produk baja kompos - Compost Educational Kits (COMEDS). Produk yang sama dari KMK juga telah berjaya merangkul Anugerah Khas ICON2024. Program ICON2024 ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMK Prof Datuk Dr Razli Che Razak.





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PUSAT PENGAJIAN ASASI UMK (UMK ASCENT)

SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) 2024 MUHAMMAD FAKHRULLAH ZULKIPLI

Pada 1-3 Mac 2024 telah berlangsung Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2024 yang mana pada tahun ini Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menjadi tuan rumah untuk kejohanan tahunan tersebut. Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK AsCent) telah menghantar wakil kontinjen yang disertai oleh 60 orang atlet dan pengurus pasukan. Untuk kejohanan kali ini, UMK AsCent menghantar pasukan futsal, bola jaring, olahraga, catur, PUBG dan Mobile Legend. Kehadiran atlet UMK AsCent memberi saingan sengit kepada kontinjen-kontinjen lain dan UMK AsCent telah berjaya meraih pingat emas dalam acara Catur Individu Lelaki yang telah diwakili oleh pelajar Chong Bok Siang. Kontinjen UMK AsCent telah memberi sepenuh usaha untuk memberikan persembahan yang terbaik di dalam pertandingan sukan asasi kali ini. UMK AsCent telah berjaya menamatkan kejohanan ini dengan berada di tangga ke-8 secara keseluruhan 14 kontinjen yang bertanding. Ini merupakan satu peningkatan yang sangat positif berbanding pada tahun 2023. Diharapkan pada tahun hadapan, kontinjen UMK AsCent akan lebih maju dan berjaya untuk terus memberikan saingan di dalam kejohanan Sukan Asasi Malaysia.



PUSAT PENGAJIAN PRA UNIVERSITI (PPPU),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

"ASASI BANGKIT"

06 February 2024, Kota Samarahan - The Centre for Pre-University Studies (PPPU) at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) successfully organized the "Asasi Bangkit" online forum. This event was orchestrated by the Disciplinary and Protocol Executive Committee of the Student Representative Council (JPP) for the 2023/2024 academic year. Throughout the forum, the panellists, moderators, and committee members convened in the student lounge.



Promotional poster for the Asasi Bangkit event

The primary aim of the online forum was to assist students in enhancing their academic performance for Semester 2 and to prepare them for future endeavours as they transition to degree programs. The forum featured three distinguished panellists: Encik Yiizamy, Cahill Sakai Anthony (a Physical Science student), and Nur Ainul Warisya (a Life Science student). Each panellist has achieved impressive academic success in their respective fields. The forum was moderated by Nur Amirah Izzati.

The online forum proved to be successful, drawing an attendance of 134 students. The event commenced with the introduction of each panellist, followed by a discussion on how they managed their student life. This was followed by a brief Q&A session, and concluded with the panellists offering valuable advice on how to achieve academic success. The event wrapped up with a certificate-giving ceremony for each panellist, conducted by Dr. Alhafiizh, the Deputy Director II.

PUSAT PENGAJIAN PRA UNIVERSITI (PPPU),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

ASASI SCIENCEPLORATION 2024
PROGRAM SAINS UNTUK KOMUNITI

IDZA RIATI IBRAHIM, ESWARAN MADIAHLAGAN, FATIN HANANI KAMALUDDIN & MICHELLE GEORGE

04 Mei 2024, Kota Samarahan – Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah berjaya mengadakan program Asasi Scienceploration 2024 pada 04 Mei 2024.

Program satu hari itu merupakan acara tahunan semenjak tahun 2016 yang telah dianjurkan oleh PPPU, UNIMAS. Program telah menyasarkan penglibatan pelajar-pelajar menengah rendah dari sekolah-sekolah sekitar Kota Samarahan, Kuching, dan Serian. Pada tahun ini, Asasi Scienceploration 2024 telah mengangkat tema “Go Green” sejajar dengan matlamat Pembangunan Mampan Gobal (SDG) dan telah disokong oleh UNIMAS selaras dengan penjenamaan sebagai “Community-Driven University for a Sustainable World”. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan maklum balas positif daripada peserta-peserta sejak program ini diadakan.

Objektif utama program ini adalah untuk menyemai minat terhadap mata pelajaran yang berkaitan dengan sains, matematik dan sains komputer. Objektif dicapai melalui eksperimen yang inovatif dan pembelajaran yang menyeronokkan. Pensyarah-pensyarah yang berpengalaman telah bertugas sebagai fasilitator dan dibantu oleh pegawai perhubungan yang terdiri daripada pelajar-pelajar di PPPU sepanjang program satu hari ini.

Seramai 147 orang pelajar menengah rendah dari sekolah di sekitar Kota Samarahan, Kuching, dan Serian telah mendaftar untuk program tahun ini. Pendaftaran bermula seawal jam 7.00 pagi dan peserta telah terlibat dengan lima aktiviti iaitu Egg-xperiment, My Little Garden, Eco-Warrior Challenge, Spinergy, dan G-Tech Playground yang telah dirangka untuk program ini berasaskan subjek sains, matematik dan sains komputer.

PUSAT PENGAJIAN PRA UNIVERSITI (PPPU),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

ASASI SCIENCEPLORATION 2024
PROGRAM SAINS UNTUK KOMUNITI

IDZA RIATI IBRAHIM, ESWARAN MADIAHLAGAN, FATIN HANANI KAMALUDDIN & MICHELLE GEORGE

Program ini juga telah mendapat penajaan dan sumbangan dari pelbagai pihak. Antara penaja program Asasi UNIMAS Scienceploration 2024 ialah Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak Bahagian Kota Samarahan dan YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak merangkap Pro-Canselor ke-5 UNIMAS dengan jumlah keseluruhan tajaan sebanyak RM 11,400.00.

Program Asasi Scienceploration 2024 telah melabuhkan tirai pada jam 4.30 petang. Majlis perasmian penutupan program Asasi Scienceploration 2024 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Ir Dr Siti Noor Linda Taib, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UNIMAS.



Sesi hands-on aktiviti kursus Kimia:
Egg-xperiment



Sesi penerangan aktiviti kursus Biologi:
Eco-Warrior Challenge



Sesi hands-on aktiviti kursus Fizik:
Spinergy



Sesi penerangan aktiviti kursus ICT:
G-Tech Playground



Hasil aktiviti Matematik:
My Little Garden



Peserta Asasi Scienceploration 2024 bersama pihak PPPU & YBhg. Prof Ir
Dr Siti Noor Linda Taib



Gimik sempena Majlis Perasmian Penutupan Asasi Scienceploration 2024

PUSAT PENGAJIAN PRA UNIVERSITI (PPPU),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

MOVIE NITE

01 & 08 March 2024, Kota Samarahan - The Guy's' Movie Nite and Ladies' Nite were programs organized by the Student Representative Council (JPP) of the Centre for Pre-University Studies (PPPU) at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) for the 2023/2024 academic year. These casual movie nights, held on the evenings of 1st and 8th March 2024, were initiated by the Social and Welfare Relations Executive Committee of JPP PPPU. The events provided an opportunity for UNIMAS Foundation students to relax, unwind and enjoy movies with friends.



The objective of these programs was to offer students a recreational activity to unwind at night, especially following the conclusion of their mid-semester examinations. Additionally, the events aimed to strengthen bonds among foundation students, fostering a sense of community and understanding within the Centre for Pre-University Studies (PPPU) at UNIMAS. The Ladies' Nite also celebrated International Women's Day on 8th March 2024.

The events saw participation from 36 female students, 8 male students, and 15 members of the Movie Nite Committee. The Student Representative Council (JPP) also sold various snacks, such as Corntoz chips, with payments accepted in cash or via QR code. As a token of appreciation and in celebration of International Women's Day, all female attendees received souvenir.

PUSAT PENGAJIAN PRA UNIVERSITI (PPPU),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

SUNGKEY LUA, JUH!

21 April 2024, Kota Samarahan - Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sesi 2023/2024 telah menganjurkan program Sungkey Lua, Juh! dengan tujuan mewujudkan suasana sambutan Ramadan di kampus. Program ini bertujuan memupuk perpaduan dan kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar asasi dan staf Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU) UNIMAS, serta menggalakkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Program ini turut disertai oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Ahmad Hata bin Rasit, Naib Canselor UNIMAS; Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Siti Noor Linda binti Taib, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi; Yang Berusaha Encik Fadlie bin Zamuri, Pengurus Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM); Yang Berbahagia Prof. Dr. Ruhana binti Hassan, Pengarah PPPU UNIMAS; Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Halim bin Busari, Pengarah Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS); dan Pengetua Kolej Seroja, Yang Berusaha Encik Muktar bin Muhmad.

Program ini dimulakan dengan merewang bubur lambuk di Bangunan Pentadbiran PPPU oleh staf PPPU sehingga jam 12 tengah hari. Kemudian, bubur lambuk serta makanan-makanan sumbangan yang lain seperti Nasi Ayam dan Nasi Tomato diagihkan di Kompleks Akademik Pra-Universiti (KAPU) dan diambil oleh para pelajar, staf dan alumni asasi yang hadir pada jam 5 petang. Seterusnya semua mengambil tempat duduk di Dataran KAPU. Suasana KAPU juga diserikan dengan pembukaan gerai oleh sekumpulan pelajar asasi. Terdapat gerai makanan dan minuman yang menjadi tarikan. Pada jam 6 petang, Naib Canselor bersama tetamu kehormat utama yang lain tiba di pekarangan Kampus Timur.



PUSAT PENGAJIAN PRA UNIVERSITI (PPPU),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

SUNGKEY LUA, JUH!

Program diteruskan dengan ucapan daripada Pengarah PPPU dan Naib Canselor. Seterusnya, program diikuti dengan simbolik penyerahan bubur lambuk dan makanan oleh Naib Canselor UNIMAS. Selesai sahaja acara simbolik penyerahan, program diteruskan dengan aktiviti bertuntung diketuai oleh Prof Dr. Ahmad Hata bin Rasit, Naib Canselor UNIMAS. Himpunan selawat turut didendangkan oleh ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid UNIMAS (JPMU).



Pada sekitar jam 6.50 petang, sudah masuk waktu azan Maghrib di kawasan Kota Samarahan dan azan pun berkumandang di Masjid Pra-Universiti, UNIMAS sekali gus menandakan waktu berbuka. Sehubungan dengan itu, program diteruskan dengan solat Maghrib berjemaah di Masjid Pra-Universiti dan diteruskan dengan sesi berbuka puasa. Tambahan pula, program ini juga turut menyambut hari kelahiran Pengarah PPPU, Profesor Dr. Ruhana binti Hassan. Program ini diakhiri dengan solat Isyak dan solat sunat tarawih secara berjemaah di Masjid Pra-Universiti.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN, IFTAR JAMA'I'E DAN NADWAH FLEXS

Pada 1 April 2024 bersamaan 23 Ramadan 1445H, Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Iftar Jama'i'e dan Nadwah Flexs bertempat di Dewan Perdana UniSZA Kampus Gong Badak. Program ini telah melibatkan semua staf dan pelajar PUSPA sesi akademik 2023/2024.

Majlis ini diadakan bagi meraikan semua pelajar yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al Quran disamping bertujuan untuk meraikan semua pelajar PUSPA yang berpuasa di kampus dan berjauhan daripada keluarga. Majlis ini turut diisi dengan sesi ceramah agama berkaitan Keistimewaan Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Mahadi bin Mohammad dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Majlis ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan ukhwah antara pelajar dengan staf PUSPA sejajar dengan teras FlexS iaitu hubungan insaniah yang memupuk sifat cakna, tanggungjawab sosial dan belas ihsan, melalui hubungan baik dengan semua pihak.



PROGRAM ZIARAH RAMADAN PUSPA 2024

Pada 3 April 2024, Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah mengadakan Program Ziarah Ramadan PUSPA 2024. Program ini merupakan program khidmat komuniti tahunan PUSPA yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada keluarga pelajar PUSPA yang kurang berkemampuan.

Ziarah Ramadan kali ini melibatkan 7 buah rumah pelajar PUSPA yang menetap di sekitar kawasan Kuala Nerus dan Kuala Terengganu. Keluarga yang terpilih telah menerima sumbangan “Ramadhan Box” yang diharap dapat meringankan beban mereka sekeluarga sepanjang Bulan Ramadan dan seterusnya memberikan keceriaan pada mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelma tidak lama lagi.



MEGA KARNIVAL UNISZA 2024

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah menyertai Mega Karnival UniSZA 2024 yang diadakan bersempena dengan Majlis Perasmian Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin oleh KDYMM Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibn Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Karnival ini telah berlangsung pada 10 sehingga 13 Mei 2024 (Jumaat-Ahad), bertempat di Perkarangan Masjid UniSZA.

PUSPA telah membuka reruai yang menyediakan beberapa aktiviti menarik antaranya ialah DIY Hand sanitiser, DIY Handmade Soap, Volcano Experiment dan Create Your Own Slime. Karnival ini juga turut diserikan oleh slot-slot pengisian ilmu oleh penceramah terkemuka seperti Ustaz Dato' Kazim Elias, Ustaz Harryanto, TG Baba Suplar, Ustaz Adnin Roslan, Saudara Iddin Ramli, dan ramai lagi. Selain itu, pelbagai program turut berlangsung antaranya Jualan Runcit, Pemeriksaan Kesihatan, Pameran Kerjaya dan Industri, Gerai Jualan, Malam Kesenian Islam, Sukan Memanah & Berkuda, Soopa Doopa dan banyak lagi. Turut hadir sama, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud. Karnival ini telah mendapat sambutan hangat dari kalangan pelajar dan masyarakat setempat.



PROGRAM RETREAT DAN MAJLIS APRESIASI STAF PUSAT ASASI SAINS DAN PERUBATAN UNISZA

Pada 18-19 Januari 2024, Pusat Asasi Sains dan Perubatan UnisZA (PUSPA) telah mengadakan Program Retreat dan Majlis Apresiasi Staf PUSPA yang bertempat di Pandan Laut Beach Resort, Setiu Terengganu. Objektif utama program ini adalah untuk menilai dan meneliti pencapaian PUSPA bagi tahun 2023 serta mengenalpasti sebarang penambahbaikan yang boleh dibuat bagi meningkatkan prestasi PUSPA secara keseluruhannya. Program ini juga bertujuan untuk meraikan dan memberikan penghargaan kepada semua staf PUSPA yang telah memberikan khidmat yang cemerlang sepanjang tahun 2023.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti sesi Perbincangan dalam kumpulan, aktiviti Team Building, Ice Breaking, sukaneka serta Majlis Apresiasi Staf PUSPA yang bertemakan "Hawai Beach". Terima kasih kepada semua staf PUSPA kerana begitu komited memastikan PUSPA terus cemerlang.



KEM MATEMATIK DAN STEM DI SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU REDANG

18 Mei 2024 - Persatuan Pelajar Pusat Asasi Sains dan Perubatan (FSAZA) dengan kerjasama Pusat Asasi Sains dan Perubatan (PUSPA) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA telah menganjurkan Kem Matematik dan STEM yang disertai oleh 47 orang pelajar Tahun 5 dan Tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Pulau Redang. Program ini telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Pulau Redang pada 18 - 19 Jun 2024.

Program ini bertujuan untuk memupuk minat para pelajar sekolah rendah terhadap subjek berkaitan Matematik, Sains dan Teknologi. Program ini juga dilihat dapat membina sifat kepimpinan pelajar asasi dimana mereka berkomunikasi dengan para guru dan para pelajar sekolah rendah dalam melaksanakan program ini dengan jayanya. Pelaksanaan program ini juga berhasrat memenuhi sebahagian daripada keperluan Pelan Strategik UniSZA melalui Community Heroes Strategy yang menyediakan sistem sokongan yang berkesan dengan mengadakan flagship program pembangunan pelajar dan salah satu pelaksanaan amalan pendidikan berimpak tinggi, iaitu pendidikan berasaskan komuniti (community based learning).



Majlis penutup Program Kem Matematik dan STEM turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA



Sesi Kem STEM mengikut Kumpulan Mentor PUSPA



SHARING SESSION: 'YOUNG SCIENTISTS NETWORK' AKADEMI SAINS MALAYSIA

24 Januari 2024 - Kumpulan Penyelidikan Human Digital Twins, Pusat Tamhidi telah menganjurkan satu sesi perkongsian 'Young Scientists Network' pada 24 Januari 2024 (Rabu) bertempat di Dewan Kuliah Pusat 2, Bangunan Akademik Pusat Tamhidi USIM.

Perkongsian telah disampaikan oleh Profesor Madya Ts. Dr. Nurfadhlina Mohd Sharef, yang merupakan pengerusi Kumpulan Young Scientists Network di Akademi Sains Malaysia. Perkongsian ini bertujuan untuk memberi pendedahan sekaligus mempromosikan program YSN dalam kalangan pensyarah-pensyarah muda di USIM.



ENGLISH IMMERSION DAY
DR. NADRAHTUL HUDA MISRAL

24 Mei 2024 - English Immersion Day (EID) atau juga dikenali sebagai Hari Penghayatan Bahasa Inggeris telah berlangsung dengan jayanya pada hari Jumaat, dari jam 3.00 petang hingga 5.30 petang di Dewan Kuliah Pusat 3 (DKP3) USIM. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam suasana yang santai dan menyeronokkan, sambil memperbaiki kemahiran berbahasa mereka. Terdapat tiga kategori utama dalam acara ini iaitu; pertandingan Video TikTok, pertandingan Vlog dan persembahan Budaya & Tradisi. Secara keseluruhannya, EID ini bertujuan untuk memberikan pelajar pengalaman praktikal dalam menggunakan bahasa Inggeris, sambil memupuk minat dan keseronokan dalam mempelajari bahasa tersebut. Aktiviti-aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar dan para pelajar dapat belajar dengan cara yang interaktif untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris mereka.



TAKLIMAT PELUANG KERJAYA OLEH ALUMNI TPM
NUR SAKINATUL LAILA MOHAMMAD JASNI

16 Februari 2024 - Para pelajar program Tamhidi Perakaunan & Muamalat (TPM) dan Tamhidi Syariah & Undang-Undang (TSU) telah menyertai sesi Taklimat Peluang Kerjaya bersama Tuan Muhammad Nafis Abdul Moais yang merupakan alumni Tamhidi Syariah dan Undang-Undang USIM. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah di Amanie Care Foundation, Lembaga Penasihat di Persatuan Cendekiawan Muda Syariah Malaysia (MySAA) dan Ketua Pegawai Eksekutif di UI Platinum Group Sdn. Bhd.

Bagaikan sireh pulang ke gagang, beliau kembali ke Pusat Tamhidi sebagai penaja utama dalam Pertandingan Inovasi Inter-Asasi (PIITRAM 2024). Semoga perkongsian yang disampaikan oleh beliau menjadi inspirasi kepada semua pelajar Pusat Tamhidi untuk terus mengorak kejayaan dalam karier dan perkembangan ekonomi ummah.



BENKEL UNDANG-UNDANG DAN MASYARAKAT SIRI 1,2 & 3
DR. NADRAHTUL HUDA MISRAL

10, 18 & 25 Mei 2024 - Bengkel Undang-Undang dan Masyarakat anjuran Tamhidi Syariah & Undang-Undang (TSU) telah diadakan sebanyak tiga siri pada bulan Mei. Bengkel secara bersemuka ini direka khas bertujuan untuk memberi pendedahan dan pencerahan berkenaan dunia undang-undang dan masyarakat, yang menampilkan penceramah terkenal dengan topik-topik yang menarik. Penceramah jemputan pada siri pertama ialah Dato' Ahmad Rosli Mohd Sham yang merupakan bekas pendakwara dan pengajar khas Fakulti Syariah Undang-Undang USIM (Topik: Penderaan Kanak-Kanak: Isu-isu dan Pendakwaan di Mahkamah). Manakala bagi siri kedua, penceramah jemputan ialah Puan Zuraidah Ayob yang merupakan Penolong Pengarah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik PUSPEN (Topik: Isu-Isu dan Rawatan Berkaitan Penyalahgunaan Dadah), dan bagi siri ketiga, penceramah jemputan ialah Tuan Mohamad Zakian Dio, Pengarah Kanan Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Topik: Tujuan dan Jenis-Jenis Hukuman di Mahkamah Syariah). Sesi yang dinamik dan mencabar minda ini, telah disusun dengan teliti untuk meningkatkan pemahaman para pelajar TSU tentang isu-isu undang-undang dan masyarakat yang kritikal. Para pelajar dapat berinteraksi dengan penceramah yang dihormati, meneroka perspektif yang pelbagai, dan meluaskan horizon mereka.





USIM

PUSAT TAMHIDI USIM

KEJOHANAN SUKAN NEGERI SEMBILAN DUN NILAI NUR SAKINATUL LAILA MOHAMMAD JASNI

4 Februari 2024 - Pusat Tamhidi telah menghantar pasukan bola jaring untuk menyertai Kejohanan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) Dun Nilai. Kejohanan ini telah berlangsung pada 4 Februari (Sabtu) di SK Desa Cempaka, Nilai dan diiringi 2 pegawai iaitu cik Laila dan Dr. Idayu. Penyertaan pasukan Tamhidi dalam kejohanan seperti ini dapat meningkatkan prestasi dan keyakinan mereka sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan Asasi Malaysia yang akan datang. Berkat usaha dan kerjasama pasukan, mereka telah memenangi tempat ke-4 dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM100.





ASASIAN NIGHT TO REMEMBER RAI 210 PELAJAR SITI FATIMAH ABDULLAH

15 Jun - Seramai 210 pelajar diraikan pada Majlis Asasian Night to Remember, Program Asasi Pengurusan Sesi 2023/2024 di Kelab Diraja Kedah. Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan berkata, pelajar merupakan generasi peneraju yang sedang mengembangkan potensi diri dan pengetahuan untuk membangunkan masa depan yang cemerlang.

“Di UUM, saudara saudari telah memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan keyakinan diri yang akan memacu saudara saudari ke peringkat seterusnya. Saya yakin dengan asas yang kukuh ini akan menjadi landasan yang terbaik untuk anda semua melangkah ke alam prasiswazah. Tahniah atas usaha gigih dan kesungguhan yang telah saudara dan saudari tunjukkan sepanjang tempoh pengajian.” ujarnya.

Pada majlis itu, Presiden Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2023/2024, Muhammad Syahmi Iman Muhammad Rezal turut berucap mewakili para pelajar diikuti penyampaian anugerah yang disampaikan oleh Naib Canselor.





GOTONG-ROYONG EKSA

9 Januari - Program Gotong-royong Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) anjuran Jawatankuasa Promosi EKSA PAP bersama EXCO Kebajikan dan Kemudahan Pusat Asasi Pengurusan (PAP) telah berlangsung dengan jayanya. Objektif utama program ini adalah sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan risiko penyakit Denggi dengan membersihkan dan membasmi tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes terutama tempat-tempat yang boleh menakung air. Selain itu, program ini juga merupakan satu inisiatif untuk menyediakan keselesaan kepada para pelajar dalam membentuk persekitaran yang bersih dan selesa. Diharapkan agar kebersihan dan keselesaan kawasan Pusat Asasi Pengurusan dapat dikekalkan serta dapat dihindari dari penyakit denggi.





Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN

2 Januari - Latihan Pengungsaan Bangunan (Fire Drill) telah diadakan di Pusat Asasi Pengurusan (PAP), UUM dan melibatkan seramai 210 orang pelajar Asasi Pengurusan serta 15 orang staf Pusat Asasi Pengurusan Sesi 2023/2024. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama antara PAP dan Jabatan Bomba & Penyelamat cawangan Balai Bukit Kayu Hitam. Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan kepada para pelajar dan warga kerja PAP mengenai kaedah yang terbaik untuk menyelamatkan diri sekiranya berlaku sebarang kecemasan seperti kebakaran di PAP. Antara pengisian program ialah taklimat keselamatan dan demonstrasi pemadaman kebakaran oleh pihak Bomba. Pihak Bomba turut memberi peluang kepada para pelajar untuk melakukan teknik memadam api dengan menggunakan alat pemadam api.





IFTAR ASASI PENGURUSAN WADAH ERAT UKHWAH DAN HAYATI NILAI POSITIF NORDIANA SHAFIEE

SINTOK, 25 Mac - Iftar menjadi platform pelajar asasi pengurusan untuk hayati nilai positif di bulan Ramadan. Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan berkata, Majlis Iftar Jamaie diharapkan dapat meningkatkan ukhwh sesama umat Islam dan bukan Islam. Menurutnya, beliau berkongsi kegembiraan sebagai umat Islam ketika berbuka puasa bersama pelajar-pelajar bukan Islam yang turut hadir merasai keseronokan berbuka puasa.

"Ini adalah satu ibadat yang dapat mempamerkan satu bentuk budaya hidup seorang Islam.

"Selain itu, dimaklumkan bahawa pelbagai program menarik sepanjang bulan Ramadan telah dirancang dan dilaksanakan seperti Tayangan Video Qur.Si, Tadarrus Al-Quran, Khatam Challenge, Edaran KasihBubur Lambuk, Dialog Agama dan Khatam Al-Quran Perdana.

"Saya berharap melalui pengisian program ini akan menjadi satu inisiatif yang sangat baik dalam usaha mendidik anak muda melazimkan bacaan Al-Quran dan mengimarahkan bulan Ramadan serta membentuk jati diri pelajar yang lebih unggul dan holistik," katanya di Majlis Iftar Jamaie Peringkat Pusat Asasi Pengurusan Bagi Tahun 2024/1445 Hijrah di Masjid Sultan Badlishah, semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan 2023/2024, Muhammad Syahmi Iman Muhammad Rezal berkata, Majlis Iftar Jamaie Pusat Asasi Pengurusan bagi Tahun 2024 merupakan majlis bagi meraikan pelajar asasi yang berpuasa di kampus pada tahun ini, di samping mengeratkan ukhwh silaturahim sesama warga UUM, khususnya pelajar agar dapat menghayati nilai positif di bulan Ramadan yang penuh barakah ini.

Menurutnya, Pusat Asasi Pengurusan bersama Persatuan Pelajar sesi 2023/2024 telah melaksanakan pelbagai inisiatif program bagi memastikan pelajar terus produktif sepanjang bulan Ramadan pada tahun ini.

Katanya, program yang berorientasikan elemen kerohanian dan kesukarelawanan diterapkan sepanjang berpuasa, antaranya program Edaran Kasih: Barakah Ramadan dan Program Khatam Al-Quran yang dikendalikan oleh pelajar.



IFTAR ASASI PENGURUSAN WADAH ERAT UKHWAH DAN HAYATI NILAI POSITIF NORDIANA SHAFIEE

“Program-program yang telah dilaksanakan ini amat penting bagi memastikan bulan Ramadan pada tahun ini dapat dihayati bersama serta mengimbangi pelajar dari aspek rohani dan jasmani.

“Selain itu, saya berterima kasih atas sumbangan berbentuk bantuan kewangan kepada pelajar program asasi pengurusan telah membantu rakan-rakan yang memerlukan sokongan sepanjang berpuasa di sini,” katanya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan Ramadan kepada 10 pelajar terpilih, diikuti takzirah Ramadan, solat Maghrib dan Isyak serta tarawih.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Russayani Ismail; Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman dan pegawai-pegawai kanan universiti.





SAMBUTAN MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI & APRESIASI

23 April - Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri & Apresiasi Pusat Asasi Pengurusan telah diadakan di Dewan Bunga Raya (DBR), INASIS MAS. Objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan ukhwah para pelajar tanpa mengira agama dan bangsa serta memupuk nilai kemaafan dalam diri setiap pelajar. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu 'Negaraku' dan 'Biru Warna' dan Bacaan Doa diikuti ucapan oleh Presiden Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan dan ucapan oleh Pengarah Pusat Asasi Pengurusan. Majlis diteruskan dengan Tayangan Video Raya dari EXCO Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan dan persembahan tarian.

PAP turut berbesar hati dengan kehadiran Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan, Naib Canselor UUM yang sudi hadir ke majlis dan menyempurnakan Sesi Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para pelajar yang bertanding dalam pertandingan anjuran Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam. Majlis turut diserikan dengan alunan Saksofon daripada Abdul Hannan, pelajar asasi kohort 10 dan persembahan daripada penyanyi terkenal di Malaysia, iaitu Daqmie.





KEJOHANAN SUKAN ASASI MALAYSIA 2024 NURLIYANANURLIYANA JUHAN & GAN ZHI HUI JUHAN

Pada 1-3 Mac 2024, seramai 11 atlet dari Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah (UMS), telah berjaya melayakkan diri dalam Sukan Asasi Malaysia ke-7 yang telah diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM). Turut serta dalam kontinjen ini adalah Pengarah PPST, Chem. Dr. Newati Wid, bersama enam orang pegawai pengiring. Para atlet PPST telah menyertai pelbagai acara sukan termasuk ping pong berpasukan, catur berpasukan wanita, dan sukan olahraga. Dalam acara sukan olahraga, UMS diwakili oleh Darrence Davier Rismic Dismond, Aniq Azhar bin Azriansyah, Muhammad Nazhan Samuel, Muhammad Harith Haziq bin Razali, dan Nurfaizlinah Binti Mohd Elmi. Pasukan ping pong pula dianggotai oleh Muhammad Naquiddin Bin Mukhdir, Nicholas Liew Yi Chern, Gan Zhi Hui, dan Chang Yong Xin, manakala pasukan catur terdiri daripada Nur Fatihah Binti Rusidi, Nurfaizlinah Binti Mohd Elmi, dan Nur Izzatie Natasya Binti Jakli.

Salah satu pencapaian yang membanggakan dalam kejohanan ini adalah kejayaan Nurfaizlinah Binti Mohd Elmi, yang meraih pingat perak dalam acara 100 meter. Pingat ini merupakan yang pertama kali dimenangi oleh kontinjen asasi UMS sepanjang tujuh tahun penyertaan dalam Sukan Asasi Malaysia, sekaligus mencipta sejarah buat PPST.

Pencapaian ini bukan sahaja menjadi kebanggaan seluruh warga PPST, tetapi juga menonjolkan potensi besar dalam kalangan pelajar asasi UMS. Kejayaan Nurfaizlinah menjadi inspirasi kepada rakan-rakan sepasukan dan juga kepada generasi atlet akan datang untuk terus mengorak langkah dalam arena sukan. PPST UMS akan terus menyokong perkembangan atlet-atlet muda ini agar mereka dapat terus cemerlang, bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dalam sukan, sekaligus menyumbang kepada kegemilangan nama UMS di peringkat nasional.





KEMPEN PAKAIAN FORMAL ASASI NURLIYANA JUHAN

Kempen Pakaian Formal yang telah diadakan di Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah, merupakan satu inisiatif penting dalam membentuk budaya profesionalisme di kalangan pelajar asasi. Melalui kempen ini, pelajar-pelajar dididik tentang pentingnya berpakaian formal dalam situasi-situasi tertentu yang memerlukan imej profesional, seperti temuduga, pembentangan akademik, dan acara rasmi universiti.

Dalam kempen ini, beberapa kumpulan tutorial dan individu telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam mempraktikkan pakaian formal yang kemas dan beretika. Tiga kumpulan tutorial yang berjaya memenangi tempat teratas dalam kategori berkumpulan adalah Tutorial 7 - tempat pertama, Tutorial 12 - tempat kedua dan Tutorial 4 - tempat ketiga. Bagi kategori individu, dimenangi oleh saudari Nur Izzatie Natasya Mohd Jakli.

Secara keseluruhannya, Kempen Pakaian Formal ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan berpakaian dan berperilaku secara profesional, selain mempersiapkan mereka untuk menghadapi dunia luar yang lebih mencabar.





PERTANDINGAN TALENTALES ASASI PPST PUTERI DALILAH BINTI SABRI

Pusat Persediaan Sains Dan Teknologi (PPST) Universiti Malaysia Sabah dengan bangganya telah mengadakan Final Talentes Performance yang menampilkan lima finalis terbaik dalam satu persembahan epik yang menggabungkan komedi, daya tarikan dan drama karya Shakespeare dengan sentuhan unik Borneo. Pertandingan ini disertai oleh 14 kumpulan tutorial dalam kalangan pelajar Asasi Sains dan Asasi Teknologi Maklumat. Pertandingan ini berlangsung pada 10 Mei 2024 yang bertempat di bilik tutorial 1 hingga 5. Para penonton dihiburkan dengan kehebatan penceritaan Shakespeare yang diolah semula dengan elemen-elemen budaya tempatan. Pertandingan ini secara tidak langsung mengasah bakat para pelajar dalam bidang lakonan dan kreativiti menghasilkan video yang menarik. Melalui pertandingan ini, wakil pelajar Asasi Teknologi Maklumat berjaya mendapat tempat ketiga dalam lima finalis yang terpilih serta dianugerahkan Video Terbaik dalam kalangan 14 kumpulan tutorial yang turut serta.





PERTANDINGAN DEBAT ANTARA ASASI PEDAA 2024 USWATUN NURRAHMAH NOORHASSANAH & NURLIYANA JUHAN

Pertandingan Debat Antara Asasi (PeDAA 2024) telah diadakan dengan jayanya, bermula dari 2 hingga 4 Februari 2024 untuk pusingan awal dan suku akhir yang dilaksanakan secara dalam talian. Pertandingan ini melibatkan pelbagai institusi pendidikan tinggi di seluruh Malaysia dan memberi peluang kepada para pelajar untuk berdebat secara ilmiah dalam suasana kompetitif. Peringkat separuh akhir dan akhir pula telah berlangsung dari 16 hingga 18 Februari 2024 bertempat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu, yang menjadi tuan rumah bagi acara kemuncak pertandingan tersebut.

Rombongan dari Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) telah dihantar untuk menyertai pertandingan ini, dengan diwakili oleh 2 pasukan debat Bahasa Melayu dan 2 pasukan debat Bahasa Inggeris. Pasukan-pasukan ini telah bersiap sedia sejak beberapa bulan yang lalu, menjalani sesi latihan intensif dan simulasi debat untuk memastikan mereka berada dalam keadaan terbaik untuk bersaing. Meskipun kedua-dua pasukan debat Bahasa Melayu serta satu pasukan debat Bahasa Inggeris tidak berjaya melepasi pusingan awal dan suku akhir, usaha dan semangat yang ditunjukkan oleh para peserta tetap dipuji.

Namun begitu, satu pasukan debat Bahasa Inggeris telah menunjukkan prestasi cemerlang dan berjaya melangkah ke peringkat separuh akhir yang berlangsung secara bersemuka di UMT. Kejayaan ini merupakan pencapaian yang membanggakan bagi PPST, di mana pasukan ini diiringi oleh dua orang kakitangan akademik yang berdedikasi, iaitu Cik Uswatun Nurrahmah Noorhassanah, Guru Bahasa Inggeris, dan Dr. Haslinda Mohd Sidek, seorang Pensyarah Kanan yang juga merupakan mentor kepada pasukan tersebut.

Walaupun begitu, perjuangan pasukan ini terhenti di peringkat separuh akhir setelah mereka bertemu dengan pasukan yang hebat dari Universiti Malaya. Namun, pengalaman berharga yang diperoleh sepanjang pertandingan ini, terutamanya kejayaan melayakkan diri ke peringkat separuh akhir buat pertama kalinya, telah memberikan semangat dan inspirasi baru kepada pasukan debat PPST. Semoga pengalaman ini menjadi titik permulaan kepada lebih banyak kejayaan yang akan dicapai oleh PPST dalam arena debat di masa hadapan.





MAJLIS APRESIASI PELAJAR ASASI SESI 2023/2024 NURLIYANA JUHAN & PUTERI DALILAH BINTI SABRI

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan Majlis Apresiasi Pelajar Asasi pada hari Sabtu, 18 Mei 2024. Acara yang dinanti-nantikan oleh semua pelajar Asasi ini berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di The Klagan Regency 1 Borneo, Kota Kinabalu. Majlis ini membawa tema "Starry, Fairytale & Hollywood," yang menggabungkan unsur keanggunan dunia fantasi dengan kemegahan kilauan bintang-bintang Hollywood.

Pada malam yang penuh gaya ini, para pelajar dan pensyarah hadir dalam pakaian yang menawan, memancarkan aura elegan dan mewah sesuai dengan tema yang dipilih. Suasana di majlis ini tidak hanya dipenuhi dengan semangat kegembiraan tetapi juga rasa bangga atas pencapaian yang telah diraih sepanjang setahun pengajian.

Majlis Apresiasi ini bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada pelajar Asasi yang telah menunjukkan dedikasi, komitmen, dan usaha cemerlang dalam pengajian mereka sepanjang tahun. Pelbagai anugerah telah disampaikan kepada para pelajar yang telah menunjukkan prestasi akademik dan kokurikulum yang luar biasa. Salah satu acara kemuncak pada malam tersebut adalah pengumuman pemenang untuk kategori "Best Dress". Bagi kategori wanita, Zachel Duraji Jimes dari program Asasi Teknologi Maklumat telah berjaya menawan hati juri dengan pakaian yang cukup memukau, sekaligus dinobatkan sebagai pemenang pada malam yang penuh berharga itu.

Acara ini ditutup dengan sesi bergambar bersama semua pelajar Asasi dan para pensyarah, yang diabadikan sebagai kenangan manis bagi semua yang hadir. Majlis Apresiasi Pelajar Asasi ini telah menjadi platform yang sempurna untuk mengenang usaha keras dan kejayaan para pelajar, serta memberi inspirasi kepada mereka untuk terus cemerlang di masa hadapan.



PROGRAM "PRE-UNIVERSITY MATRICULATION INNOVATION COMPETITION 2024"
(PIITRAM2024)
DR. MUHAMMAD ALIF MOHAMMAD LATIF & SHAERIN AZLIN AB RAHMAN

Pre-University Matriculation Innovation Competition 2023 (PIITRAM2024) telah diadakan selama dua (2) hari bermula pada 24 Februari 2024 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

PIITRAM2024 merupakan satu platform inovasi yang terbaik dalam mengembangkan dan menyetengahkan bakat pelajar asasi dan matrikulasi dalam bidang inovasi dan reka cipta berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan Matematik (STEAM) sejajar dengan transformasi pendidikan kebangsaan.

UPM telah menghantar 14 penyertaan dan berjaya merangkul 7 emas, 4 perak dan 3 gangsa serta 1 special award : Best Presenter Award).



LAPORAN "APPLE'S DAY 2024"

DR. MUHAMMAD ALIF MOHAMMAD LATIF, MUNIRAH KAMAL & ERMELIA ROHAYU RAMLAN

Program Apple's Day diadakan untuk menzahirkan penghargaan para pelajar kepada para pengajar dan pihak staf ASPutra dengan menghadiahkan set hadiah yang mengandungi buah epal. Program ini telah dilaksanakan pada 15 Februari 2024 (Khamis) bermula pada jam 1.00 petang sehingga 2.00 petang bertempat di Dataran Asasi 1, Pusat Asasi Sains Universiti Putra Malaysia. Program ini dikendalikan oleh Majlis Tertinggi Pelajar Asasi Sains Pertanian (HiComm) dengan kerjasama ahli jawatankuasa Apple's Day dari kalangan pelajar ASPer. Program ini telah mendapat sambutan dengan kehadiran lebih kurang 300 orang pelajar dan staf.



PROGRAM EDARAN BUBUR LAMBUK
DR. MUHAMMAD ALIF MOHAMMAD LATIF & MOHD NAJIB ABD AZIZ

Program ini dilaksanakan di bawah anjuran Majlis Tertinggi Pelajar (HiComm) bersempena dengan Bulan Ramadhan. Aktiviti memasak telah dijalankan oleh pelajar asasi dan edaran 100 pax bubur lambuk telah diadakan di Dataran Phoenix, KTAG UPM pada 31 Mac 2024.



PROGRAM MY FUTURE JOURNEY (MFJ) 2024
DR. MUHAMMAD ALIF MOHAMMAD LATIF & HASNIAH HAMID

Program MFJ 2024 telah dilaksanakan pada 19 April 2024 (Jumaat), jam 8:30 pagi – 5:00 petang bertempat di Dewan Bankuet UPM. MFJ 2024 dianjurkan oleh ASPutra untuk membantu pelajar ASPER19 mendapatkan maklumat program pengajian di peringkat bachelar melalui aktiviti promosi yang dijalankan oleh pihak fakulti yang terlibat. Pelajar ASPer19 yang sedang berada di semester kedua pengajian mula mengisi permohonan melanjutkan pengajian di peringkat bachelar bagi sesi kemasukan 2024/2025.

Penganjuran MFJ 2024 pada kali ini juga telah disekalikan dengan Majlis Pelancaran Nama Baharu ASPutra yang telah dilancarkan oleh YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail, Timbalan Naib Cancellor Akademik dan Antarabangsa, UPM.



PROGRAM SOWING SEEDS : CULTIVATING YOUTH'S FUTURE IN AGRICULTURE
ANJURAN BERSAMA SEARCA DAN ASPUTRA
PROF. MADYA DR. NOOR AZMI SHAHARUDDIN

Program ini diadakan pada 10 Mei 2024 jam 3.00 petang hingga 5.00 petang di Bilik Seminar Asasi 1 bertujuan untuk mendidik pelajar mengenai kepentingan sektor pertanian di samping mempamerkan peluang kerjaya di dalam sektor dengan harapan ianya dapat menimbulkan minat pelajar di dalam bidang ini serta membantu mengatasi cabaran pertanian yang sering dihadapi oleh komuniti tempatan dan antarabangsa. Pusat Asasi Sains Universiti Putra Malaysia (ASPutra), dengan kerjasama Southeast Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA) telah melaksanakan program 'Sowing Seeds: Cultivating Youth's Future in Argiculture' sebagai usaha menarik minat para pelajarnya untuk memahami dan mempelajari bidang pertanian, Secara keseluruhan, program ini telah berjaya meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar ASPutra tentang kepentingan pertanian dan potensi kerjaya dalam bidang ini.



PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR ASASI TVET SEMESTER 2
2023/2024 KE UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

SITI HAFSAH BINTI TAIP, JUNAIDATUL NADIA BINTI JAAFAR, SITI HAWA BINTI AZIZ

17-19 Februari 2024 | Seramai 36 orang pelajar program Asasi TVET PUO bersama TIGA (3) orang pensyarah pengiring telah menyertai program lawatan sambil belajar ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Program ini telah dianjurkan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM dengan kerjasama Politeknik Ungku Omar dengan objektif utama untuk memberi input kepada pelajar berkenaan dengan program pengajian yang ditawarkan, fasiliti yang disediakan serta perkongsian tentang kepakaran yang ada di UTHM.

Sepanjang program lawatan ini berlangsung, pelajar-pelajar telah dibawa melawat beberapa fakulti di sekitar kampus induk di Parit Raja dan fakulti di kampus Cawangan Pagoh termasuk beberapa makmal yang berada di fakulti tersebut. Dengan ini, para pelajar berpeluang mengeksplorasi peralatan di sekitar bengkel dan makmal serta mendapat maklumat secara langsung daripada tenaga pengajar di fakulti tersebut.



PASUKAN INOVASI PUO MENANG PINGAT EMAS DI PRE-UNIVERSITY
MATRICULATION INNOVATION COMPETITION 2024 (PIITRAM 2024)

AHMAD RAKIMI BIN MOHAMAD, MOHAMAD SYAZWAN BIN MUSA, ZAINAB BINTI HASSAN, NUR AMALINA
BINTI MONTEL & JUNAI DATUL NADIA BINTI JAAFAR

24 Februari 2024 | Pasukan Inovasi PUO yang diwakili oleh lima (5) orang pensyarah daripada Pusat Asasi TVET PUO, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, cemerlang memenangi Pingat EMAS di Pre-University Matriculation Innovation Competition 2024 (PIITRAM2024) yang telah diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai pada 24 Februari 2024. Dengan mempertaruhkan inovasi alat bantu mengajar yang diberi nama Ez-Gate, ianya telah terbukti dapat membantu kefahaman pelajar Asasi TVET dengan lebih cepat serta memberi suasana pembelajaran yang menyeronokkan.



PROGRAM RAKAN MUDA RAMADAN PUPUK NILAI MURNI PELAJAR ASASI TVET
PUO
JUNAIDATUL NADIA BINTI JAAFAR

30 Mac 2024 | Seramai 28 orang pelajar Program Asasi TVET, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Ungku Omar (JMSK, PUO) telah menyertai Program Rakan Muda Ramadan Peringkat Negeri Perak. Aktiviti Memasak Bubur Lambuk telah disertai oleh seramai 26 orang pelajar manakala dua (2) orang pelajar telah menyertai Pertandingan Azan bagi program tersebut.

Program anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak ini telah diadakan di Masjid Al-Mutaqqin, Malim Nawar, Perak. Antara pengisian lain program adalah tadarus dan khatam Al-Quran, serta ceramah dan perkongsian Ramadan. Program ini turut dihadiri oleh YB Tuan Khairudin Abu Hanipah, Pengerusi JK Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak dan Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Yang Dihormati Toh Sedewa Raja Dato' Abdul Talib bin Abd Fahmi, Orang Besar Jajahan Kampar, Perak.



44 PROJEK AKHIR DIPERTANDINGKAN SEMPENA PEMBENTANGAN PROJEK ASASI
TVET POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO) 2024
MOHD IZWANNI BIN SARIMAN & INTAN FARAH DINA BINTI ZAINÉ

13 Mei 2024 | Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, PUO telah mengadakan Pertandingan dan Pameran Projek Akhir Asasi TVET bertempat di Dewan Jubli Perak, PUO. Program ini telah disertai seramai 91 orang pelajar Program Asasi TVET yang mempertandingkan sebanyak 44 projek akhir.

Sebanyak 3 kategori anugerah telah dipertandingkan iaitu Anugerah Poster Terbaik, Anugerah Pembentang Terbaik dan Anugerah Projek Terbaik. Sesi penilaian projek akhir pelajar telah dilaksanakan oleh enam (6) orang juri yang terdiri daripada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) serta Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) PUO.

Senarai pemenang anugerah adalah seperti berikut:

1. Anugerah Projek Terbaik:

Nama Projek: Automatic Fish Feeder

2. Anugerah Pembentang Terbaik:

Nama Projek: Smart Secret Knock Detecting Lock

3. Anugerah Poster Terbaik:

Nama Projek: Lawn Mover Remote Control using Bluetooth Model

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima dan juga pelajar Program Asasi TVET yang telah menyahut cabaran untuk menghasilkan projek akhir yang berinovasi dan menampilkan idea yang boleh membantu menghasilkan produk di pasaran.



91 ORANG PELAJAR PERINTIS ASASI TVET DIRAIKAN BERSEMPENA MAJLIS APRESIASI
KECEMERLANGAN PROGRAM ASASI TVET POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO) 2024
JULIANA BINTI MOHD ARIFFIN & INTAN FARAH DINA BINTI ZAINÉ

21 Mei 2024 | Majlis Apresiasi Kecemerlangan Pelajar Program Asasi TVET 2024 julung-julung kali diadakan bagi meraikan para pelajar Program Asasi TVET PUO yang mana mereka merupakan perintis bagi program ini. Majlis yang penuh bersejarah ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Jutaan tahniah diucapkan kepada pelajar-pelajar Program Asasi TVET 2023/2024 yang terpilih dan dinobatkan sebagai penerima anugerah:

1. Anugerah Sahsiah Terpuji (L): Muhammad Amir Irfan bin Muhammad Fahmi
2. Anugerah Sahsiah Terpuji (P): Nursyazwani binti Mohd Asrul Affindy
3. Anugerah Ikon Kokurikulum: Ahmad Luqman bin Alizan
4. Anugerah Ketrampilan Kepimpinan (FTV2A): Nur Insyirah binti Abd Jalil
5. Anugerah Ketrampilan Kepimpinan (FTV2B): Chan Mei Sin
6. Anugerah Ketrampilan Kepimpinan (FTV2C): Rabiatul Adawiyah binti Abdullah
7. Anugerah Projek Terbaik: Syafiq Ammar bin Jamaludin & Muhammad Aiman Hakimi bin Shahizan
8. Anugerah Pelajar Cemerlang: Ahmad Luqman bin Alizan

Selamat maju jaya kepada semua pelajar Program Asasi TVET 2023/2024 dan teruskan kecemerlangan anda di peringkat yang lebih tinggi kelak.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

SIMPOSIUM PEER ASSISTED LEARNING PROGRAM MATRIKULASI KPM PERINGKAT KEBANGSAAN SESI 2023/2024

Simposium PAL tahun 2024 merupakan kali keempat dilangsungkan dan melibatkan penyertaan daripada Pal Leader dan buat julung kali penyertaan disertai juga oleh PAL Member. Simposium tahun ini melibatkan penyertaan seramai 407 pelajar daripada semua kolej matrikulasi kecuali Kolej Matrikulasi Sarawak. Mereka tidak dapat menyertai disebabkan berlaku letusan gunung berapi di Indonesia dan semua penerbangan ke semenanjung dibatalkan pada tarikh tersebut.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

MATRICULATION JAMBROEE

Matriculation Jamboree mula dilaksanakan pada Sesi 2015/2016 dan disertai oleh pelajar dan pegawai dari 15 Kolej Matrikulasi dan 2 Kolej MARA pada setiap tahun.

Mulai tahun ini, konsep pengelolaan diubah dan tidak melibatkan sebarang pertandingan. Aktiviti yang dirancang adalah berkonsepan kemahiran iaitu Ikhtiar Hidup, Ikatan dan Simpulan, Asas Menyelamat, Terrarium, Kawad Kaki, Orienteering dan penghasilan baja kompos Bokashi Home Tank.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

KEM DAIE MUDA MATRIKULASI DENGAN KERJASAMA YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

KDMM merupakan program anjuran Bahagian Matrikulasi dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). KDMM Tahun 2024 merupakan KDMM Siri ke-7 yang dilaksanakan pada 2 hingga 4 Februari 2024 di Kolej Matrikulasi Perak. KDMM tahun ini melibatkan penyertaan seramai 297 pelajar Program Matrikulasi di seluruh Malaysia.





RETRO NIGHT KKR PAP ARTIKEL OLEH SYED MOHD SHAFIQ

Pada tanggal 5 Januari 2024, Kelab Kebajikan & Rekreasi Pusat Asasi Pertahanan (KKRPAP) telah mencipta kenangan indah dengan penganjuran majlis gemilang, Retro Night KKR PAP 2023. Bertemakan keunikan era retro, acara penuh nostalgia ini berlangsung di Hotel Everly, Putrajaya, dengan kehadiran meriah ahli-ahli KKR PAP yang terdiri daripada kakitangan Pusat Asasi Pertahanan (PAP) bersama pasangan mereka.

Majlis diserikan dengan pembukaan penuh gaya oleh barisan exco KKR PAP 2022-2024 yang mempersembahkan tarian pembukaan yang mengimbau kenangan lama. Seterusnya, Professor Ts. Dr. Norhana Binti Abdul Halim, Pengarah PAP, menyampaikan ucapan pembukaan yang bersemangat, membuka tirai kepada malam yang penuh warna-warni.

Sepanjang malam, para hadirin dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan tarian yang memukau, selain turut berpeluang memenangi hadiah menarik menerusi cabutan bertuah. Detik kemuncak majlis ini adalah pengumuman pemenang anugerah-anugerah istimewa, iaitu Retro Icon, Star of Retro, Retro King, dan Retro Queen, yang melengkapkan malam penuh keghairahan ini dengan sorakan dan kegembiraan.





JAMUAN HARI RAYA PAP ARTIKEL OLEH SYED MOHD SHAFIQ

Berlatarbelakangkan suasana indah di Pusat Marin UPNM, Pusat Asasi Pertahanan (PAP) dengan kerjasama Kelab Kebajikan & Rekreasi PAP (KKRPAP) telah menganjurkan Jamuan Hari Raya PAP. Acara tahunan ini memperhidangkan juadah hari raya yang lazat serta pelbagai jenis kuih-muih tradisional. Para tetamu turut disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk permainan tradisional, persembahan menghiburkan, pertandingan anyaman ketupat yang penuh cabaran, serta sesi bergambar yang menjadi kenangan manis buat semua.

Kehadiran Yang Berbahagia Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Mardzuki bin Muhammad, bersama beberapa wakil tertinggi UPNM, telah menyuntik lagi semangat dan kemeriahan kepada majlis. Perjumpaan penuh harmoni ini melambangkan eratnya hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga PAP, disulami kegembiraan yang terpancar di wajah setiap hadirin.





PROGRAM BICARA DARI HATI
ARTIKEL OLEH SYED MOHD SHAFIQ

Pada tanggal 19 Januari 2024, Dewan Bestari UPNM telah menjadi saksi kepada penganjuran sebuah sesi inspirasi yang penuh makna, iaitu Bicara Dari Hati. Program ini, hasil kerjasama erat antara Pusat Asasi Pertahanan dan Pusat Kaunseling, Kerjaya & Alumni UPNM, berjaya menarik hampir 100 orang pelajar PAP. Bicara Dari Hati menampilkan Datin Fadzhiah Binti Mohd Ramly, Pengerusi Yayasan Nur Inspirasi (YNI), yang bertindak sebagai moderator, di samping kehadiran tiga ikon YNI yang dihormati – Encik Khairil Azreen, Encik Dinie Rashid, dan Encik Rashidi Abdullah – sebagai tetamu jemputan. Program ini tidak hanya membawa ilmu, tetapi juga memberi kesedaran dan inspirasi kepada pelajar untuk terus cekal dalam menempuh perjalanan akademik dan kehidupan yang penuh dengan liku-liku cabaran.





PENYERTAAN KE PROGRAM-PROGRAM MAJLIS DEKAN/PENGARAH UNIVERSITI AWAM MALAYSIA ARTIKEL OLEH SYED MOHD SHAFIQ

Sepanjang Februari dan Mac 2024, pelajar-pelajar PAP telah aktif menyertai pelbagai program berprestij yang dianjurkan oleh Majlis Dekan/Pengarah Universiti Awam Malaysia. Antara acara yang disertai termasuk Festival Pantun Asasi (FANTASI 2024) yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia serta Pertandingan Debat Antara Asasi (PeDAA 2024) di Universiti Malaysia Terengganu. PAP juga menghantar wakil ke Pertandingan Inovasi Inter Asasi Matrikulasi (PIITRAM 2024) di Universiti Sains Islam Malaysia dan Sukan Asasi Malaysia (SAM 2024) di Universiti Utara Malaysia.

Penyertaan dalam program-program ini bukan sahaja mengharumkan nama PAP, tetapi juga memperkukuhkan semangat kerjasama dan daya saing dalam kalangan pelajar, sambil membuka peluang untuk mereka menonjolkan bakat dan kebolehan di peringkat kebangsaan.





MALAM APRESIASI MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR ASASI MADANI 2024

ARTIKEL OLEH SYED MOHD SHAFIQ

Pada hari Jumaat, 15 Mei 2024, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi PAP telah menganjurkan Malam Apresiasi dan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Asasi Madani Sesi Akademik 2023/2024. Bertempat di Dewan Zulfaqar UPNM, majlis bertemakan “Red Carpet” ini telah menyatukan hampir 250 orang pelajar, pensyarah, dan kakitangan PAP dalam suasana yang penuh meriah dan elegan. Majlis makan malam ini telah dirasmikan oleh Professor Ts Dr Norhana Binti Abdul Halim, Pengarah PAP, di samping kehadiran Prof Madya Kapten Ahmad Zaidi Bin Sulaiman (Bersara), Pengarah Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPNM. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan apresiasi kepada pelajar-pelajar PAP sesi 2023/2024 yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik dan kepimpinan. Selain itu, sijil penghargaan turut diberikan kepada pelajar-pelajar yang aktif dalam sukan dan kokurikulum sepanjang pengajian mereka di PAP.





ICONMAS 2024

ARTIKEL OLEH SYED MOHD SHAFIQ

Buat pertama kalinya, Pusat Asasi Pertahanan dengan bangganya telah menganjurkan persidangan bertaraf antarabangsa, International Conference on Advanced Materials and Applied Sciences 2024 (IConMAS 2024). Persidangan ini, yang bertemakan 'Advancing Materials, Empowering Scientific Application: Pioneering the Future', berlangsung secara dalam talian pada 26 hingga 27 Jun 2024,

IConMAS 2024 telah mendapat sambutan yang luar biasa dengan penyertaan seramai 145 pembentang, termasuk 16 pembentang antarabangsa dari 6 negara.

